



Panduan Pengguna

Ini adalah 「Panduan Pengguna」 yang dipasang pada TV.

Kandungan bagi panduan ini tertakluk kepada perubahan tanpa pemberitahuan awal untuk membaiki kualiti.

☐ Untuk melihat maklumat rancangan

Roda(OK) ⇒ Maklumat.

Memaparkan maklumat mengenai rancangan semasa dan / atau waktu semasa, dll.

✎ Imej yang dipaparkan mungkin berbeza daripada TV anda.



❑ Untuk menetapkan rancangan kegemaran

HOME ⇒ **Tetapan** → **PERSEDIAAN** → **Edit Rancangan**

- 1 Beralih ke rancangan yang dikehendaki dan tekan butang **Roda(OK)**. Rancangan dipilih.
- 2 Tekan **Tetapkan sebagai Kegemaran**.
- 3 Pilih Kumpulan Pr. Kegemaran yang dikehendaki.
- 4 Pilih **OK**. Kegemaran ditetapkan.

❑ Untuk menggunakan Kegemaran

HOME ⇒ **Senarai Rancangan**


Senarai rancangan akan muncul. Memilih rancangan kegemaran praset yang dikehendaki daripada Senarai Kegemaran A hingga D.

HOME ⇒ Panduan Program

[Dalam Mod Digital Sahaja]

Mendapatkan maklumat mengenai rancangan dan masa siaran. Mendapatkan maklumat rancangan dan menjadualkan tontonan / rakaman.

[Imej yang dipaparkan mungkin berbeza daripada TV anda.]



Tekan butang **Roda(OK)** selepas beralih ke rancangan pilihan anda untuk menonton atau menonton / merakam.

Selepas menonton senarai jadual tontonan, membuat semakan semula atau pemadaman.

Membuat tempahan jadual dengan memilih tarikh / masa / rancangan. Membuat tempahan jadual berulang.

❑ Menyediakan Rancangan Secara Automatik

HOME ⇒ Tetap → PERSEDIAAN → Penalaan Auto

Menala rancangan secara automatik.

- 1 Pilih Negara di mana TV digunakan. Tetap rancangan berubah mengikut negara yang anda pilih.
 - 2 Memulakan Penalaan Auto.
 - 3 Pilih Sumber Input pilihan anda.
 - 4 Tetapkan Penalaan Auto mengikut arahan skrin berikut.
- ✎ Jika Sumber Input tidak disambungkan dengan betul, pendaftaran rancangan tidak akan berfungsi.
 - ✎ Penalaan Auto hanya menetapkan rancangan yang sedang disiarkan.
 - ✎ Jika Sistem Kunci dihidupkan, tettingkap pop timbul akan muncul dan meminta kata laluan.

❑ Untuk menggunakan Penalaan Manual

HOME ⇒ **Tetapan** → **PERSEDIAAN** → **Penalaan Manual**

Melaras rancangan secara manual dan menyimpan hasilnya.

Bagi siaran digital, kekuatan isyarat dan kualiti isyarat boleh diperiksa.

☐ Untuk mengedit rancangan

HOME ⇒ **Tetapan** → **PERSEDIAAN** → **Edit Rancangan**

Mengedit rancangan yang telah disimpan.

Tetapkan sebagai rancangan kegemaran, sekat/buka sekatan rancangan, langkaui rancangan dsb, bagi rancangan yang dipilih.


Roda(OK) ⇒  (Screen Remote Control)

(atau tekan butang **TEXT**.)

[bergantung kepada negara]

Teletext adalah perkhidmatan percuma yang disediakan oleh stesen TV yang menawarkan maklumat berdasarkan teks mengenai rancangan TV, berita dan cuaca.

Penyahkod teletext bagi TV ini boleh menyokong sistem SIMPLE, TOP dan FASTEXT.




Butang warna	Untuk memilih halaman sebelumnya atau seterusnya.
Butang nombor	Memasukkan nombor halaman untuk ditujui.
P 	Untuk memilih halaman sebelumnya atau seterusnya.

❑ Fungsi Teletext Khas

Roda(OK) ⇒  (Screen Remote Control)

(atau tekan butang **T. OPT.**)

Pilih menu Pilihan Teks.

 Indeks	Pilih setiap halaman indeks.
 Masa	Semasa menonton rancangan TV, pilih menu ini untuk memaparkan masa di penjuru kanan atas skrin.
 Tahan	Menghentikan penukaran halaman automatik yang akan berlaku jika halaman teletext terdiri daripada 2 atau lebih sub halaman.



Dedahkan

Pilih menu ini untuk memaparkan maklumat tersembunyi, seperti jawapan kepada teka teki.



Kemas kini

Memaparkan gambar TV pada skrin sambil menunggu halaman teletext baru.

Bahasa

[Dalam Mod Digital Sahaja]
Menetapkan bahasa Teletext.

Wheel(OK) ⇒  (Screen Remote Control)

(atau tekan butang **GUIDE.**)

[Bergantung kepada Negara] [Dalam Mod digital Sahaja]

Sistem ini mempunyai MHEG (Kumpulan pakar pengekod maklumat multimedia dan hipermedia) untuk membantu navigasi anda menerusi semua pilihan tontonan yang mungkin.

HOME ⇒ Tetap → PILIHAN → Servis Data

[Bergantung kepada negara]


Fungsi ini membolehkan pengguna memilih antara MHEG (Teletext Digital) dan Teletext jika kedua-duanya wujud pada masa yang sama.

Jika hanya salah satu yang wujud, sama ada MHEG atau Teletext didayakan tanpa mengambil kira pilihan anda.

HOME ⇒ Tetap → GAMBAR → Nisbah Aspek

Memilih nisbah aspek skrin.

16:9	Mengubah saiz imej agar muat dalam lebar skrin.
Hanya mengimbas	<p>Memaparkan imej video dalam saiz asal tanpa mengeluarkan bahagian-bahagian pada pinggir imej.</p> <ul style="list-style-type: none">✎ Dalam mod DTV/HDMI/Komponen (melebihi 720p), Hanya mengimbas boleh digunakan.✎ Dalam mod DTV (melebihi 576p), Hanya mengimbas hanya tersedia di Australia sahaja.
Saiz Sebenar	Apabila TV anda menerima isyarat skrin lebar, secara automatik ia akan bertukar kepada format gambar yang disiarkan.

Lebar Penuh	<p>Apabila TV menerima isyarat skrin lebar, ia akan membenarkan anda melaraskan gambar secara mendatar atau menegak, dalam perkadaran linear, untuk mengisi keseluruhan skrin sepenuhnya.</p> <p>Video 4:3 dan 14:9 disokong dalam skrin penuh tanpa sebarang herotan video menerusi input DTV.</p> <p> Dalam mod DTV, Lebar Penuh tersedia.</p>
4:3	Mengubah saiz imej menjadi standard 4:3 yang sebelumnya.
14:9	Anda boleh melihat format gambar 14:9 atau rancangan TV umum dalam mod 14:9. Skrin 14:9 dipaparkan dalam cara yang sama seperti dalam 4:3, tetapi digerakkan ke atas dan ke bawah.
Zum	Saizkan semula imej agar muat pada lebar skrin. Bahagian atas dan bawah imej mungkin akan terpotong.
Zum Pawagam	Pilih Zum Pawagam apabila anda ingin membesarkan gambar dalam perkadaran yang betul.

- ✎ Semasa melihat peranti luaran, kes-kes ini boleh menyebabkan pembakaran imej:
 - video dengan kapsyen pegun (seperti nama rangkaian)
 - mod nisbah aspek 4:3 untuk tempoh yang panjangBerhati-hati semasa menggunakan fungsi ini.
- ✎ Saiz gambar yang tersedia mungkin berbeza bergantung kepada isyarat input.
- ✎ Nisbah aspek skrin pada input HDMI/RGB-PC hanya tersedia dalam 4:3 dan 16:9.
- ✎ [Bagi model menyokong 2160p] Apabila isyarat 2160p adalah input atau resolusi PC anda ditetapkan kepada 3840 x 2160, Nisbah Aspek ditetapkan kepada Hanya Mengimbas.

❑ Untuk melaraskan gambar dalam mod input PC

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Skrin

Melaraskan gambar dalam mod RGB-PC.

Resolusi	Menetapkan resolusi yang dikehendaki. ✎ Resolusi hanya boleh dipilih apabila resolusi PC ditetapkan pada 1024 x 768, 1280 x 768 atau 1360 x 768.
Konfigurasi Auto	Mengoptimumkan gambar.
Kedudukan / Saiz / Fasa	Jika saiz atau lokasi skrin terherot, pengguna boleh melaraskan saiz dan kedudukan skrin secara terus.
Set semula	Mengeset semula semua perubahan pada tetapan gambar pada mod input PC.

❑ Untuk mengeset resolusi PC

- 1 Klik kanan pada desktop PC anda dan pilih 「Sifat」.
 - 2 Klik pada 「Tetapan」 dan rujuk kepada format yang disokong untuk menetapkan resolusi.
 - 3 Pilih 「Lanjutan → Monitor → Tetapan Monitor」 pada tettingkap tetapan. Rujuk kepada format yang disokong untuk memilih frekuensi menegak yang optimum.
- ✎ Pada mod PC, resolusi 1024x768 mengeluarkan kualiti gambar yang optimum.
 - ✎ Tetapan resolusi berbeza-beza bergantung pada jenis PC.


□ Format yang Disokong

Mod Input PC	Resolusi	Frekuensi Horizontal (KHz)	Frekuensi Vertikal (Hz)
HDMI RGB-PC	640x350	31.468	70.09
	720x400	31.469	70.08
	640x480	31.469	59.94
	800x600	37.879	60.31
	1024x768	48.363	60.00

HOME ⇒ Menu Cepat → Mod AV

Menetapkan gambar / audio terbaik yang dioptimumkan untuk mod AV yang berlainan.

Matikan	Beroperasi dengan nilai yang ditetapkan dalam menu Gambar / bunyi.
Pawagam/ <u>THX</u> Pawagam	Mengoptimumkan tetapan gambar dan audio untuk wayang gambar.
Permainan	Mengoptimumkan tetapan gambar dan audio untuk permainan.

 THX [Bergantung pada model]

THX (Thomlinson Holman's Experiment) adalah standard pensijilan audio dan video yang dibangunkan oleh George Lucas dan Thomlinson. Paparan diperakui THX menjamin kualiti skrin yang melepasi spesifikasi standard paparan pada kedua-dua perkakasan dan perisian.

❑ Untuk melaraskan gambar dengan Wizard Gambar

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Wizard Gambar II

Gunakan alat kawalan jauh dan ikuti arahan Wizard Gambar untuk menentukan dan melaraskan bagi mendapatkan kualiti gambar yang optimum tanpa peranti corak yang mahal atau bantuan pakar.


Ikuti arahan ini untuk mendapatkan kualiti gambar yang optimum.


❑ Untuk memilih Mod Gambar

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Mod Gambar

Memilih mod gambar yang dioptimumkan untuk persekitaran tontonan atau rancangan.

Terang	Meningkatkan kontras, kecerahan dan ketajaman untuk memaparkan imej yang terang.
Standard	Memaparkan imej pada paras kontras, kecerahan dan ketajaman yang standard.
APS	APS: Jimat Kuasa Auto Mod ini menetapkan kecerahan optimum bergantung pada pencahayaan ambien dan mempunyai fungsi penjimatan tenaga. Ia juga menetapkan kualiti gambar optimum dan penggunaan kuasa minimum bergantung pada gambar input.

<p>Pawagam / THXPawagam/ Permainan/ FOTO</p>	<p>Memaparkan gambar optimum untuk filem, permainan dan foto (imej pegun). [THXPawagam : Bergantung pada model]</p>
<p>Pakar </p>	<p>Menu untuk melaraskan kualiti gambar yang membolehkan pakar dan para peminat untuk menikmati tontonan TV terbaik. Menu ini diperakui ISF dan disediakan untuk pakar penalaan gambar. (Logo ISF hanya boleh digunakan pada unit TV yang diperakui ISF.) ISFccc: Imaging Science Foundation Certified Calibration Control (Kawalan Penentukuran Diperakui Imaging Science Foundation)</p>

- ✎ Bergantung pada isyarat input, julat mod gambar yang tersedia mungkin berbeza-beza.
- ✎ Mod Pakar  adalah untuk para profesional penalaan gambar untuk mengawal dan menala halus menggunakan imej tertentu. Bagi imej normal, kesannya mungkin tidak begitu ketara

❑ Untuk menala halus mod gambar

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Mod Gambar → Kontras / Kecerahan / Ketajaman / Warna / Kecerian / Suhu Warna

Mula-mula, pilih Mod Gambar pilihan anda.

Kontras	Melaraskan perbezaan antara kawasan cerah dan gelap pada skrin.
Kecerahan	Mengawal kecerahan keseluruhan skrin.
Ketajaman	Melaraskan ketajaman sempadan antara cerah dan gelap.
Warna	Melaraskan warna atas skrin menjadi lebih gelap atau lebih cerah.

Keserian	Melaraskanimbangan warna merah/hijau.
Suhu Warna	Melaraskan ton keseluruhan warna menjadi hangat atau dingin.

- ✎ Bergantung pada isyarat input atau tetapan gambar yang lain, julat item terperinci untuk pelarasan mungkin berbeza-beza.

☐ Untuk menetapkan kawalan lanjutan

HOME ⇒ **Tetapan** → **GAMBAR** → **Mod Gambar** → **Kawalan Lanjutan/
Kawalan Pakar**

Menentukan skrin bagi setiap mod gambar atau melaraskan tetapan gambar untuk skrin khas.

Mula-mula, pilih **Mod Gambar** pilihan anda.

Kontras Dinamik	Melaras kontras dan warna ke paras yang optimum mengikut kecerahan skrin.
Warna Diutamakan	Warna Kulit : Spektrum warna kulit boleh ditetapkan secara berasingan untuk melaksanakan warna kulit seperti yang ditentukan oleh pengguna.
	Warna Rumput : Spektrum warna semula jadi (padang rumput, bukit, dll.) boleh ditetapkan secara berasingan.
	Warna Langit : Warna langit ditetapkan secara berasingan.

Resolusi Super	Menyediakan gambar yang amat jelas dengan meningkatkan perincian dalam kawasan yang gambarnya kabur atau tidak jelas.
Gamma	Menetapkan lengkung pemeringkatan mengikut output isyarat gambar berhubung dengan isyarat input.
Gamut Warna	Memilih julat warna yang boleh dipaparkan.
Peningkatan Tepian	Memaparkan tepian video yang lebih jelas dan tersendiri namun semula jadi.
xvYCC	Memaparkan warna yang lebih kaya.
Penapis Warna	Menapis spektrum warna yang khusus dalam warna RGB untuk menala halus ketepuan warna dan rona dengan tepat.
Corak Pakar	Corak yang digunakan untuk pelarasan pakar.

Imbangan Putih	Melaraskan ton keseluruhan skrin sebagaimana dikehendaki. Dalam mod Pakar, penalaan halus terperinci boleh ditetapkan melalui Kaedah / Corak, dll.
Sistem Pengurusan Warna	Fungsi ini digunakan oleh pakar apabila mereka melaraskan warna menggunakan corak ujian enam warna (Merah / Hijau / Biru / Biru Kehijauan / Mgt / Kuning) tanpa menjejaskan kawasan warna yang lain. Untuk imej biasa, pelarasan mungkin tidak menyebabkan perubahan warna yang ketara.

- ✎ Bergantung pada isyarat input atau tetapan gambar yang lain, julat item terperinci untuk pelarasan mungkin berbeza-beza.

❑ Untuk mengeset pilihan gambar tambahan

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Mod Gambar → Pilihan Gambar

Melaraskan tetapan terperinci bagi imej.

Pengurangan Hingar	Mengurangkan hingar skrin pada video.
Tahap Hitam	Melaraskan kecerahan atau kegelapan skrin agar sesuai dengan tahap hitam input gambar menggunakan darjah kegelapan (tahap hitam) skrin.
Mod Filem	Mengoptimumkan skrin untuk tontonan wayang.
Penjagaan Gerakan Mata	[Bergantung pada model] Melaraskan kecerahan skrin untuk mengelakkan silau mata.

❑ Untuk mengeset semula Mod Gambar

HOME ⇒ **Tetapan** → **GAMBAR** → **Mod Gambar** → **Set Semula Gambar**

Mengeset semula nilai yang disuaikan oleh pengguna.

Setiap mod gambar diset semula. Pilih mod gambar yang hendak anda set semula.

HOME ⇒ Tetap → GAMBAR → Mod Gambar → Pilihan Gambar → TruMotion

Memperbetulkan imej untuk memaparkan jujukan pergerakan yang lebih lancar.

Lancar	Nilai De-judder ditetapkan kepada 3.
Kosongkan	Nilai De-judder ditetapkan kepada 7.
Pengguna	De-judder boleh ditetapkan secara manual. <ul style="list-style-type: none">• De-judder : Fungsi ini melaraskan gegaran skrin.

✎ Jika isyarat video adalah 60Hz, TruMotion mungkin tak akan berfungsi.

❑ Untuk menggunakan Mod Bunyi

HOME ⇒ Tetapan → AUDIO → Mod Bunyi

Mengoptimumkan audio TV kepada mod bunyi yang dipilih.

Standard	Sesuai untuk semua jenis video
Muzik / Pawagam / Sukan / Permainan	Menetapkan audio yang dioptimumkan untuk genre khusus.
Terang	Mengeluarkan suara tersendiri dengan bunyi bes yang kaya dan bunyi berpica tinggi yang jelas.
Tetapan Pengguna	Melaraskan paras kelantangan kepada paras pilihan anda menggunakan User EQ.

❑ Untuk menala halus kelantangan

HOME ⇒ Tetap → AUDIO → User EQ

Menetapkan Mod Bunyi pada User EQ terlebih dahulu.

100 Hz / 300 Hz / 1 kHz
/ 3 kHz / 10 kHz

Menetapkan EQ dengan melaraskan jalur bunyi secara manual.

Set semula

Mengeset semula nilai penyama yang ditukar oleh pengguna.

❑ Untuk menetapkan Mod Kelantangan

HOME ⇒ Tetap → BUNYI → Mod Kelantangan

Menetapkan pelbagai mod untuk kawalan kelantangan.

Kelantangan Auto	Menetapkan Kelantangan Auto kepada Buka. Output kelantangan yang berbeza dari rancangan ke rancangan. Ia kemudiannya akan dilaraskan untuk kemudahan tontonan, semasa mengklik menerusi rancangan yang berbeza.
Kawalan Kelantangan	Menggunakan hanya satu lengkung kelantangan mungkin menyebabkan bunyi yang tidak dapat didengari atau kuat bergantung pada persekitaran. Melaraskan paras kelantangan bergantung pada waktu (siang/malam).

❑ Untuk menggunakan fungsi Pengoptimum Bunyi

HOME ⇒ Tetapan → BUNYI → Sound Optimizer

Membenarkan bunyi yang dioptimumkan untuk pemasangan TV tersuai.

Biasa	Mod bunyi umum.
Jenis Lekapan Dinding	Mengoptimumkan bunyi untuk TV lekapan dinding.
Jenis Dirian	Mengoptimumkan bunyi untuk TV lekapan dirian.

❑ Untuk menggunakan bunyi Surround Maya.

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Surround Maya**

Teknologi pemrosesan audio proprietari LG membolehkan bunyi keliling seakan-akan 5.1 saluran daripada dua pembesar suara.

✎ Jika **Suara Jelas II** ditetapkan kepada **Buka**, **Surround Maya** tidak akan dipilih.

❑ Untuk menggunakan fungsi Suara Jelas II

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Suara Jelas II**

Meningkatkan kejelasan suara.

❑ Untuk menyegerakkan audio dan video.

HOME ⇒ Tetapan → BUNYI → Penyegerakan AV

Menyegerakkan terus video dan audio apabila ia tidak sepadan.

Jika anda menetapkan Penyegerakan AV kepada Buka, anda boleh melaraskan output bunyi (pembesar suara TV atau SPDIF) kepada imej skrin.

Pembesar
Suara TV

Melaraskan penyegerakan bunyi daripada pembesar suara dalaman TV.

Butang "-" menjadikan output bunyi lebih laju dan butang "+" lebih perlahan berbanding nilai lalai.

SPDIF

(Antara Muka Digital Sony Philips) Melaraskan penyegerakan bunyi daripada pembesar suara yang disambungkan kepada penyambung audio digital.

Butang "-" menjadikan output bunyi lebih laju dan butang "+" lebih perlahan berbanding nilai lalai.

Bypass

Mengeluarkan isyarat penyiaran atau audio peranti luaran tanpa lengah audio. Audio boleh dikeluarkan sebelum video kerana memproses input video ke dalam TV akan mengambil sedikit masa.

❑ Untuk menggunakan mod ARC

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Tetapan Bunyi** → **Mod ARC**

Peranti audio luaran boleh disambungkan melalui kabel HDMI® Berkelajuan Tinggi tanpa kabel audio optik tambahan untuk output SPDIF.

la berantara Untuk peranti luaran yang menyokong ARC (Saluran Kembali Audio), sambungkannya ke port **HDMI(ARC)**.

Matikan	Walaupun peranti audio luaran yang disokong ARC dihidupkan, output audio tidak diproses secara automatik menerusi pembesar suara peranti audio luaran.
Buka	Jika peranti audio luaran yang disokong ARC dihidupkan, output audio diproses secara automatik menerusi pembesar suara peranti audio luaran. Bagi SIMPLINK, rujuk kepada 「General → To control external devices」.

- ✎ Sambungkan kepada terminal ARC sahaja apabila menyambung kepada peranti luaran.
- ✎ Gunakan kabel HDMI® berkelajuan tinggi apabila bersambung kepada peranti luaran.
- ✎ Penggunaan peranti pihak ketiga dengan ciri-ciri ARC mungkin menyebabkan malfungsi.

❑ Untuk melaraskan imbangan audio

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Tetapan Bunyi** → **Imbangan**


Melaraskan imbangan audio kiri/kanan.

❑ Untuk menggunakan pembesar suara TV

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Tetapan Bunyi** → **Pembesar suara TV**

Apabila mendengar menerusi pembesar suara pada peranti audio luaran yang disambungkan kepada TV seperti kelengkapan teater rumah, pembesar suara TV mungkin dimatikan. Jika terdapat peranti teater rumah yang disambung kepada SIMPLINK, menetapkan **pembesar suara TV** kepada **Mati** akan mematikan kelengkapan teater rumah secara automatik.

Matikan

Pembesar suara TV tidak memainkan bunyi.
Memainkan bunyi TV menerusi pembesar suara peranti audio luaran yang disambungkan kepada TV.
 Melaraskan kelantangan menerusi tombol yang dipasang pada peranti luaran.

Buka

Memainkan bunyi TV menerusi pembesar suara dalaman TV.

❑ Untuk menggunakan Bunyi Digital Keluar

HOME ⇒ **Tetapan** → **BUNYI** → **Tetapan Bunyi** → **Bunyi Digital Keluar**

Menyediakan Bunyi Digital Keluar.

Item	Input Bunyi	Bunyi Digital Keluar
Auto	MPEG	PCM
	Dolby Digital	Dolby Digital
	Dolby Digital Plus	Dolby Digital
	HE-AAC	Dolby Digital
PCM	Semua	PCM

❑ Tetap Bunyi DTV

HOME ⇒ Tetap → BUNYI → Tetap Bunyi DTV

[Bergantung pada model]

Apabila jenis audio berbeza wujud dalam isyarat input, fungsi ini akan membolehkan anda memilih jenis audio yang anda kehendaki.

Jika ditetapkan kepada **AUTO** urutan carian adalah HE-AAC → Dolby Digital+ → Dolby Digital → MPEG dan keluaran dihasilkan dalam Format Audio yang pertama dijumpai.

- ✎ Di Itali sahaja, urutannya adalah HE-AAC → Dolby Digital+ → MPEG → Dolby Digital.
- ✎ Di New Zealand sahaja, aturannya adalah Dolby Digital+ → Dolby Digital → HE-AAC → MPEG.
- ✎ Jika Format Audio yang dipilih tidak disokong, Format Audio yang lain mungkin digunakan untuk output.

☐ Untuk memilih input luaran

HOME ⇒ Senarai Input

Memilih input luaran.



Memilih pembesar suara.

Memilih input.


Menetapkan SIMPLINK.

Mengedit nama peranti luaran yang disambungkan kepada terminal luaran.

❑ Untuk menggunakan SIMPLINK

SIMPLINK adalah ciri yang membolehkan anda mengawal dan menguruskan pelbagai peranti multimedia dengan mudah dengan hanya menggunakan alat kawalan jauh TV melalui menu SIMPLINK.

- 1 Sambungkan terminal **HDMI** TV dan terminal output HDMI peranti SIMPLINK menggunakan kabel HDMI. Bagi unit teater rumah dengan fungsi SIMPLINK, sambungkan terminal HDMI seperti di atas dan gunakan kabel optik untuk menyambungkan Audio Keluar Digital Optik dari TV ke Audio Masuk Digital Optik pada peranti SIMPLINK.
- 2 Pilih **HOME** ⇒ **SIMPLINK**. Tetingkap menu SIMPLINK akan muncul.
- 3 Pilih **Set SIMPLINK** pada tetingkap menu SIMPLINK. Tetingkap persediaan SIMPLINK muncul.
- 4 Tetapkan **SIMPLINK** kepada **Hidup** dalam tetingkap persediaan SIMPLINK.
- 5 Tutup tetingkap persediaan SIMPLINK.
- 6 Pilih peranti yang hendak dikawal dari **HOME** ⇒ **SIMPLINK**.

- ✎ Fungsi ini hanya berfungsi pada peranti dengan logo SIMPLINK ().
Sahkan bahawa peranti luaran mempunyai logo SIMPLINK.
- ✎ Untuk menggunakan fungsi SIMPLINK, anda perlu menggunakan kabel HDMI® berkelajuan tinggi (dengan ciri CEC - Kawalan Elektronik Pengguna ditambah). Kabel HDMI® berkelajuan tinggi mempunyai pin No. 13 yang disambungkan untuk pertukaran maklumat antara peranti.
- ✎ Hidupkan atau pilih media bagi peranti dengan ciri teater rumah untuk menetapkan suis pembesar suara kepada **Pembesar Suara HT**.
- ✎ Sambungkan dengan kabel Optik (dijual secara berasingan) untuk menggunakan **Pembesar Suara HT**.
- ✎ Bertukar ke input luaran akan menyebabkan peranti yang beroperasi dengan SIMPLINK berhenti.
- ✎ Penggunaan peranti pihak ketiga dengan ciri-ciri HDMI-CEC mungkin menyebabkan malfungsi.

□ Penerangan ciri-ciri SIMPLINK

Main Langsung	Memainkan peranti multimedia pada TV dengan sertamerta.
Pilih peranti multimedia	Memilih peranti yang diinginkan melalui menu SIMPLINK untuk mengawalnya daripada skrin TV dengan sertamerta.
Main balik cakera	Menguruskan peranti multimedia dengan alat kawalan jauh TV.
Matikan semua peranti	Jika fungsi Kuasa Auto ditetapkan kepada Hidup dalam tetapan SIMPLINK, mematikan TV akan mematikan kuasa pada semua peranti yang bersambung dengan SIMPLINK.

Hidupkan Sync	Jika fungsi Kuasa Auto ditetapkan kepada Hidupkan dalam tetapan SIMPLINK, menghidupkan peranti SIMPLINK akan menghidupkan TV.
Pembesar suara	Memilih pembesar suara sama ada pada unit teater rumah atau TV.

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Penjimatan Tenaga

Mengurangkan penggunaan kuasa dengan melaraskan kecerahan skrin.

Sensor Pintar	Sensor TV mengesan cahaya sekitar dan melaraskan kecerahan skrin secara automatik.
Matikan	Mematikan mod Penjimatan Tenaga.
Minimum / Sederhana / Maksimum	Menggunakan mod Penjimatan Tenaga yang dipreset.
Matikan Skrin	Skrin dimatikan dan hanya bunyi yang dimainkan. Tekan sebarang butang pada alat kawalan jauh untuk menghidupkan kembali skrin.

□ Untuk menggunakan Pemasa Tidur

HOME ⇒ Tetap → WAKTU → Pemasa Tidur

Mematikan TV selepas jumlah minit yang ditentukan.

Untuk membatalkan Pemasa Tidur, pilih Matikan.

☐ Untuk menetapkan waktu semasa

HOME ⇒ Tetapan → WAKTU → Jam

Menyemak atau menukar waktu semasa menonton TV.

Auto	Menyelaraskan jam TV dengan maklumat waktu digital yang dihantar oleh stesen TV.
Manual	Menetapkan waktu dan tarikh secara manual jika persediaan auto tidak sepadan dengan waktu semasa.

❑ Untuk menetapkan TV agar dihidup dan dimatikan secara automatik

HOME ⇒ Tetapan → WAKTU → Masa Buka/Masa Tutup

Menetapkan masa Buka/Tutup.

Pilih Matikan semasa Ulang untuk menamatkan Masa Buka/Masa Tutup.

- ✎ Untuk menggunakan Masa Buka/Masa Tutup, tetapkan waktu semasa dengan betul.
- ✎ Walaupun fungsi Masa Buka aktif, TV akan dimatikan secara automatik dalam masa 120 minit apabila tiada butang ditekan dalam tempoh masa itu.

❑ Untuk menetapkan kata laluan

HOME ⇒ Tetapan → KUNCI → Set Kata Laluan

Menetapkan atau menukar kata laluan TV.

✎ Kata laluan asal ditetapkan sebagai 「0000」.

Jika Perancis di pilih untuk Negara, kata laluan bukanlah 「0000」 tetapi 「1234」.

Jika Perancis di pilih untuk Negara, kata laluan tidak boleh ditetapkan sebagai 「0000」.

❑ Untuk mengunci sistem

HOME ⇒ Tetapan → KUNCI → Kunci Sistem

Hanya membenarkan rancangan khusus dengan menyekat saluran atau input luaran.

Pilih Kunci Sistem pada Hidupkan.

Sekat Program

Menyekat rancangan yang mengandungi kandungan yang tidak sesuai untuk kanak-kanak. Rancangan itu boleh dipilih tetapi skrin adalah kosong dan audio disenyapkan. Untuk menonton rancangan yang dikunci, masukkan kata laluan.

Panduan Ibu
Bapa

Fungsi ini beroperasi berpandukan maklumat daripada stesen siaran. Dengan itu, jika isyarat mempunyai maklumat yang salah, fungsi ini tidak akan beroperasi.

Menghalang kanak-kanak daripada menonton rancangan TV dewasa yang tertentu, menurut had rating yang ditetapkan. Masukkan kata laluan untuk menonton rancangan yang disekat.


Rating berbeza mengikut negara.

Sekatan
Input

Sekat sumber input.

HOME ⇒ Tetap → PILIHAN → Bahasa

Memilih Bahasa Menu dan Bahasa Audio yang dipaparkan pada skrin.

Bahasa Menu	Memilih bahasa untuk teks paparan.
Bahasa Audio	[Dalam Mod Digital Sahaja] Apabila menonton siaran digital yang mengandungi beberapa bahasa audio, anda boleh memilih bahasa yang anda kehendaki.
Bahasa Sari Kata	[Dalam Mod Digital Sahaja] Gunakan fungsi Sari Kata apabila dua atau lebih bahasa sari kata disiarkan.  Jika data sari kata dalam bahasa yang dipilih tidak disiarkan, sari kata bahasa lalai akan dipaparkan.

[Dalam Mod Digital Sahaja]

Gunakan fungsi bahasa Teks apabila dua atau lebih bahasa Teks disiarkan.

Bahasa Teks

- ✎ Jika data teletext dalam bahasa yang dipilih tidak disiarkan, bahasa Teks lalai akan dipaparkan.
- ✎ Jika anda memilih negara setempat yang salah, teletext mungkin tidak muncul dengan betul pada skrin dan masalah tertentu mungkin berlaku semasa operasi teletext.

Bahasa Carian Suara

Pilih bahasa untuk membuat carian suara.

- ✎ Hanya model carian suara yang digunakan boleh menyokong tetapan ini.

HOME ⇒ Tetap → PILIHAN → Negara

Menetapkan negara yang digunakan oleh TV.

Tetapan TV ditukar berpandukan persekitaran siaran bagi negara yang dipilih.

- ✎ Jika tetapan negara ditukar, skrin maklumat **Penalaan Auto** mungkin akan muncul.
- ✎ Di negara yang peraturan Siaran digitalnya tidak ditetapkan, beberapa fungsi DTV mungkin tidak berfungsi bergantung pada keadaan siaran digital.
- ✎ Jika tetapan negara ditetapkan kepada "--", hanya saluran analog boleh ditetapkan.

❑ Untuk menetapkan Bermasalah Pendengaran

HOME ⇒ **Tetapan** → **PILIHAN** → **Bermasalah Pendengaran**


Fungsi ini adalah untuk pengguna dengan masalah pendengaran.

Jika ia ditetapkan kepada hidup, sari kata akan dipaparkan secara lalai.


❑ Untuk mendaftarkan Alat Kawalan Jauh Magic

Untuk menggunakan Alat Kawalan Jauh Magic, daftarkan ia dengan TV anda dahulu.

Daftarkan Alat Kawalan Jauh Magic seperti berikut sebelum digunakan.

- 1 Hidupkan TV dan tunggu kira-kira 10 saat dan kemudian tekan butang **Wheel(OK)** sambil menudingkan alat kawalan jauh ke arah TV.
 - 2 Alat kawalan jauh akan didaftarkan secara automatik dan mesej pendaftaran selesai muncul pada skrin TV.
-  Jika anda gagal mendaftarkan Alat Kawalan Jauh Magic, matikan TV dan cuba lagi.

☐ Untuk mendaftarkan semula Alat Kawalan Jauh Magic

- 1 Tekan butang **HOME** dan **BACK** bersama-sama selama kira-kira 5 saat.
 - 2 Tudingkan alat kawalan jauh ke arah TV dan tekan butang **Wheel(OK)** selama kira-kira 5 saat.
-  Tekan butang **BACK** sambil menudingkan alat kawalan jauh ke TV selama lima saat untuk mengeset semula dan mendaftarkannya semula.

□ Untuk menetapkan penunjuk Alat Kawalan Jauh Magic

HOME ⇒ Tetapan → Pilihan → Penunjuk

Menetapkan kelajuan dan bentuk penunjuk yang muncul pada skrin TV.

Kelajuan	Menetapkan kelajuan pergerakan penunjuk.
Bentuk	Memilih bentuk penunjuk daripada pelbagai pilihan.
Saiz	Memilih saiz penunjuk.
Penjajaran	Tetapkan kepada Hidup . Jika terdapat sebarang salah jajaran antara penunjuk dan arah sebenar yang ditunjukkan alat kawalan jauh, gerakkan Alat Kawalan Jauh Magic ke kiri dan kanan, untuk menjajarkan semula. Penunjuk akan menjajar semula ke tengah secara automatik, yang akan memudahkannya dikawal.

- ✎ Jika penunjuk telah tidak digunakan dalam tempoh tertentu, ia akan hilang. Apabila penunjuk hilang dari skrin, goncang Alat Kawalan Jauh Magic ke kanan dan ke kiri. Lalu ia akan muncul kembali.
- ✎ Jika anda menekan butang Navigasi sambil menggerakkan penunjuk pada skrin, penunjuk akan hilang, dan alat kawalan jauh Magic berfungsi sebagai alat kawalan jauh biasa.
- ✎ Gunakan dalam jarak berkesan 33 ka. (10 meter). Menggunakan Alat Kawalan Jauh dari jarak yang lebih jauh atau apabila halangan menyekat garis penglihatan boleh menyebabkan ia gagal berfungsi.

- ✎ Peranti elektronik berdekatan boleh menyebabkan gangguan komunikasi. Peranti seperti ketuhar gelombang mikro dan LAN wayarles menggunakan julat frekuensi yang sama (2.4 GHz) dengan Alat Kawalan Jauh Magic dan ini boleh menyebabkan gangguan.
- ✎ Alat Kawalan Jauh Magic boleh pecah jika terjatuh atau rosak dalam sebarang cara lain.
- ✎ Berjaga-jaga agar ia tidak terhantuk pada objek keras yang lain seperti perabot atau lantai.

❑ Untuk menggunakan fungsi gerak isyarat corak

Tekan butang **Wheel(OK)** dalam keadaan skrin video biasa dihidupkan dan lukis corak ke arah skrin.



Saluran sebelumnya: Kembali ke saluran yang sebelumnya.



Senarai terkini: Menunjukkan saluran terkini ditonton.

✎ Ia mungkin tidak berfungsi apabila tettingkap tertentu terbuka.

❑ Untuk menukar mod TV

HOME ⇒ **Tetapan** → **PILIHAN** → **Tetapan Mod**

Pilih Kegunaan Rumah atau Demo Kedai .

Untuk kegunaan di rumah, pilih Kegunaan Rumah.

Demo Kedai adalah mod yang digunakan untuk paparan kedai.

❑ Untuk menggunakan kaedah ISM

HOME ⇒ **Tetapan** → **PILIHAN** → **Kaedah ISM**

Fungsi ini menghilangkan imej melekat yang disebabkan oleh pameran imej statik yang berpanjangan.

- **Biasa**: Meminimumkan imej yang melekat dengan merendahkan kecerahan beransur-ansur ketika mempamerkan imej statik dan dengan meninggikan kecerahan ketika mempamerkan imej bergerak.
- **Orbiter**: Meminimumkan imej yang melekat dengan menggerakkan imej secara halus ke kanan, kiri, atas atau bawah setiap 2 minit.

- **Colour Wash:** Menghilangkan imej yang melekat dengan menggerakkan setiap piksel dalam corak tertentu pada skrin dalam jangka masa yang tertentu. Sila gunakan fungsi ini untuk menghilangkan imej yang melekat sementara.
- ✎ Imej yang melekat diketahui ramai pada TV plasma apabila ia mempamerkan imej statik dalam jangka masa yang panjang. **Kaedah ISM** melambatkan kesan imej yang melekat, ia tidak menghalang fenomena ini sepenuhnya. Sila gunakan fungsi ini dengan berhati-hati.

❑ Untuk kembali ke tetapan asal

HOME ⇒ **Tetapan** → **PILIHAN** → **Set Semula Kilang**

Memadamkan semua tetapan pilihan dan kembali ke mod lalai asal.

Setelah pemulaan selesai, TV akan mati lalu hidup sendiri.


✎ Jika **Kunci Sistem** diaktifkan, tettingkap pop-up gesaan kata laluan akan muncul.

✎ Jangan matikan kuasa semasa pengasalan.

❑ Untuk menggunakan Skrin Utama

Tekan butang **HOME** pada alat kawalan jauh.

Dengan semua ciri Smart TV pada satu skrin, semua orang boleh mengakses pelbagai kandungan dan aplikasi dengan mudah melalui menu pantas dan mudah untuk digunakan yang diatur mengikut tema seperti Live TV, Kad, Aplikasi Saya, dll.



☐ Untuk menggunakan dan mengedit KAD SAYA

HOME ⇒ KAD SAYA

Untuk membolehkan anda memeriksa dan mengakses pelbagai kandungan dan fungsi yang luas dengan mudah, fungsi utamanya dikelompokkan kepada kategori dan dipaparkan pada kad.

Dengan memilih nama kad, anda boleh pergi ke halaman kategori tersebut.

Pilih **Edit** di bahagian atas skrin utama untuk menukar kedudukan kad atau mencipta kad anda sendiri. (Anda tidak boleh mengedit kad **Langsung** dan **Premium**.)

☐ Untuk menggunakan Aplikasi Saya

HOME ⇒ Aplikasi Saya

Pilih **Aplikasi Saya** di bahagian bawah skrin utama atau tekan butang **MY APPS** pada kawalan jauh.

Pilih **Aplikasi Saya** untuk menyemak aplikasi, aplikasi yang diprapasang dan aplikasi yang telah anda muat turun.



Pilih aplikasi yang anda ingin jalankan.

□ Untuk mengedit item dalam Aplikasi Saya:

HOME ⇒ Aplikasi Saya → Edit

Pada halaman Aplikasi Saya, pilih Edit di bahagian atas skrin untuk memindah atau memadam aplikasi. Sila ambil perhatian bahawa aplikasi sistem boleh dipindahkan, tetapi tidak boleh dipadam.

- ✎ Menukar susunan / memadam item dengan menyeret ikon aplikasi jika peranti anda mempunyai Alat Kawalan Jauh Magic.



Tong Kitar Semula

❑ Untuk mengurus Tetapan LG Smart TV

HOME ⇒ Tetapan → PILIHAN → Tetapan Smart TV

Menetapkan banyak tetapan berkaitan Premium dan menguruskan ID.

Negara Smart TV	Menukar Tetapan Negara pada Smart TV. Menerima perkhidmatan Premium dan LG Smart World untuk negara pilihan anda.
Versi Premium	Memaparkan versi perkhidmatan premium.
Senarai ID	Menyemak dan memadam ID yang didaftar masuk ke dalam TV.
Tetapkan semula	Memdam semua maklumat ID yang didaftarkan dari TV.
Notis Perundangan	Menunjukkan Notis Perundangan untuk Smart TV.

Sambungan wayarles atau berwayar diperlukan untuk menggunakan ciri-ciri Smart.

Apabila disambungkan kepada rangkaian, anda boleh menggunakan kandungan Premium, LG Smart World, DLNA dan banyak lagi.

❑ Sambungan rangkaian satu klik

Menyambung dengan mudah ke rangkaian berwayar/wayarles.

HOME ⇒ Tetap → RANGKAIAN → Sambungan Rangkaian untuk menyambung ke rangkaian yang disediakan secara automatik. Ikuti gesaan di TV.

❑ Untuk menyambung ke rangkaian melalui Pakar yang Ditetapkan

HOME ⇒ Tetapan → RANGKAIAN → Sambungan Rangkaian

Untuk kegunaan dalam keadaan khas seperti di pejabat (sekiranya, IP statik digunakan).

- 1 Pilih sambungan rangkaian, sama ada Berwayar atau Wayarles.
- 2 Apabila menyambung melalui Wi-Fi, gunakan salah satu kaedah sambungan rangkaian yang berikut.

Senarai AP	Menyambung ke rangkaian yang dipilih dari Senarai AP.
Masukkan SSID	Menyambung ke AP wayarles yang ditaip masuk.
WPS-PBC	Menyambung dengan mudah apabila butang AP wayarles yang menyokong PBC ditekan.

WPS-PIN

Menyambung dengan mudah apabila PIN AP wayarles yang anda ingin sambungkan dimasukkan ke laman web AP.

Ad-hoc

Menyambung ke rangkaian melalui PC atau telefon mudah alih didayakan secara wayarles.

❑ Untuk menggunakan fungsi Skrin Wi-Fi

HOME ⇒ **Tetapan** → **RANGKAIAN** → **Wi-Fi Screen Share**

Membolehkan penggunaan fungsi sambungan wayarles seperti Wi-Fi Langsung dan WiDi.

Berkongsi skrin peranti yang disambungkan melalui Wi-Fi Screen Share dalam Smart Share.

- 1 Tetapkan **Wi-Fi Screen Share** kepada **Hidupkan**. (Jika anda tidak menggunakannya, sila tukarkannya kepada **Matikan**.)
- 2 Dayakan tetapan **Wi-Fi Direct** pada peranti yang anda ingin sambungkan.
- 3 Senarai peranti yang boleh disambungkan ke TV dipaparkan.
- 4 Pilih peranti untuk disambungkan.
- 5 Pilih **Ya**, apabila mesej permintaan sambungan dipaparkan.
- 6 Jika peranti yang anda ingin sambungkan menerima permintaan itu, **Wi-Fi Screen Share** disambungkan.

- ✎ Anda disyorkan agar menyambungkan komputer riba menggunakan Intel's WiDi dalam jarak yang dekat.
- ✎ Walaupun Intel's WiDi boleh disambungkan tanpa penghala tanpa wayar, anda disyorkan supaya menyambungkan penghala tanpa wayar terlebih dahulu untuk prestasi optimum.
- ✎ Semasa menu Utama diaktifkan, TV tidak dapat mengesan peranti Intel's WiDi. Pastikan menu Utama ditutup sebelum cuba mengesan peranti Intel's WiDi.

❑ Menetapkan rangkaian - amaran

- ✎ Gunakan kabel LAN standard (Cat5 atau lebih tinggi dengan penyambung RJ45, port LAN 10 Base-T atau 100 Base TX).
- ✎ Menetapkan semula modem anda boleh menyebabkan berlakunya masalah sambungan rangkaian. Untuk menyelesaikan masalah, matikan kuasa, putuskan sambungan dan sambung semula, dan kemudian, hidupkan semula kuasa.
- ✎ LG Electronics tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah sambungan Internet atau sebarang kesilapan, malfungsi dan ralat yang disebabkan oleh sambungan rangkaian.
- ✎ Sambungan rangkaian mungkin tidak berfungsi dengan betul bergantung pada pembekal khidmat Internet.


- ✎ Modem DSL diperlukan untuk perkhidmatan DSL; modem kabel diperlukan untuk perkhidmatan kabel. Hanya beberapa sambungan Internet mungkin tersedia dan tetapan rangkaian TV mungkin tidak tersedia bergantung pada kontrak anda dengan Pembekal Khidmat Internet (ISP) anda. (Jika hanya satu peranti dibenarkan bagi setiap baris dan PC sudah disambungkan, peranti lain tidak boleh digunakan).
- ✎ Rangkaian wayarles tertakluk kepada gangguan dari peranti lain yang beroperasi pada frekuensi 2.4 GHz (telefon wayarles, peranti Bluetooth atau ketuhar gelombang mikro). Mungkin terdapat juga gangguan dari peranti dengan frekuensi 5 GHz, sama seperti peranti Wi-Fi lain.
- ✎ Persekitaran wayarles sekeliling boleh menyebabkan perkhidmatan sambungan wayarles dijalankan dengan perlahan.
- ✎ Jika anda tidak mematikan seluruh rangkaian rumah tempatan, lalu lintas rangkaian boleh berlaku pada beberapa peranti.

- ✎ Untuk sambungan AP, peranti pusat akses yang menyokong sambungan wayarles diperlukan dan ciri sambungan wayarles perlu didayakan pada peranti. Hubungi pembekal khidmat anda berkenaan ketersediaan sambungan wayarles pada pusat akses anda.
- ✎ Semak SSID dan tetapan keselamatan bagi AP untuk sambungan AP. Rujuk dokumentasi yang sesuai untuk SSID dan tetapan keselamatan bagi AP.
- ✎ Tetapan tidak sah pada peranti rangkaian (pekongsi talian berwayar/wayarles, hab) boleh menyebabkan TV dijalankan dengan perlahan atau tidak beroperasi dengan betul. Pasang peranti dengan betul mengikut manual yang betul dan tetapkan rangkaian.
- ✎ Sambungan ad-hoc mungkin tidak berfungsi bergantung pada peranti yang disambungkan (cth. komputer riba).
- ✎ Kaedah sambungan mungkin berbeza mengikut pengilang AP.

□ Untuk menggunakan Smart Share

HOME ⇒ Smart Share

Melihat fail foto / muzik / video di TV anda dengan menyambung ke peranti USB atau rangkaian home (DLNA, Pautan Media).



Pilih rakaman yang disimpan pada USB HDD untuk melihat/memadamkannya.

☐ Untuk mengawal main balik filem


Mengawal main balik dan menetapkan pilihan semasa menonton filem.



☐ Untuk mengawal paparan foto

Mengawal main balik dan menetapkan pilihan semasa melihat gambar dalam skrin penuh.

✎ Bagi gambar 3D, **Kesan Tayangan Slaid** tidak berfungsi walaupun fungsi **Pertunjukan Slaid** didayakan.



Memaparkan foto sebagai tayangan slaid.

Memainkan muzik latar belakang.

Memutar atau membesarkan gambar.

Menukar ke mod 3D.

Menghentikan main balik dan mengembalikan ke senarai.

Menetapkan pilihan.

❑ Untuk mengawal main balik muzik

Mengawal main balik dan menetapkan pilihan semasa memainkan muzik.



Memainkan

Menetapkan pilihan

Memilih mata yang dikehendaki dan memainkan

Menghentikan main balik dan mengembalikan ke senarai

□ Untuk menetapkan fungsi berkaitan Smart Share

HOME ⇒ Smart Share → Tetapan

Menukar tetapan berkaitan dengan main balik kandungan Smart Share.

□ Tetapan Lanjutan

Nama TV	Menukar nama yang kelihatan semasa mencari TV dari peranti lain.
StatusRangkaian	Semak sambungan rangkaian.
Wi-Fi Screen Share	Membolehkan penggunaan fungsi sambungan wayarles seperti Wi-Fi Langsung dan WiDi.
Kongsi TV Saya	Membenarkan / menghalang sambungan kepada TV dari peranti lain. Menghidupkan/mematikan sambungan DMR (Pengukuh Media Digital).

Pakai Auto
semasa
Penerimaan

Menerima / menolak kandungan yang dipindahkan dari peranti lain.

VOD DivX

Mendaftar atau meluluskan DivX.
Menyemak Kod Pendaftaran DivX untuk memainkan video dilindungi DivX. Daftar di <http://vod.divx.com>.
Menggunakan Kod Pendaftaran untuk menyewa atau membeli filem di www.divx.com/vod.

- ✎ Fail DivX yang disewa/dibeli tidak boleh dimainkan jika Kod Pendaftaran DivX bagi peranti lain digunakan. Gunakan hanya Kod Pendaftaran DivX yang diberikan kepada peranti ini.
- ✎ Fail yang ditukarkan yang tidak mematuhi Standard Codec DivX tidak boleh dimainkan atau mungkin menghasilkan imej dan bunyi luar biasa.

□ Sejarah

Untuk memadam sejarah kandungan, tekan butang di bawah. Gunakan kandungan pada menu Jenis Kandungan dan Peranti yang Dihubungkan.

□ Privasi

Periksa peranti yang anda tidak mahu buka di menu Baru Ditambah dan Recently Watched.

❑ Fail menyokong Smart Share

Kadar pemindahan data maksimum :

20 Mbps (megabit setiap saat)

Format sari kata luaran yang disokong :

*.smi, *.srt, *.sub (MicroDVD, SubViewer 1.0/2.0),

*.ass, *.ssa, *.txt (TMPlayer), *.psb (PowerDivX)

Format sari kata dalaman yang disokong :

XSUB (menyokong sari kata dalaman yang dijana daripada DivX6)

❑ Codec Disokong Video

Maksimum: 1920 x 1080 @30p

Sambungan	Codec	
.asf	Video	Profil Lanjutan VC-1, Profil Ringkas dan Utama VC-1
.wmv	Audio	Standard WMA, Profesional WMA 9
.divx	Video	DivX3.11, DivX4, DivX5, DivX6, XViD, H.264/AVC, Motion Jpeg
.avi		Motion Jpeg
	Audio	MPEG-1 Layer I, II, MPEG-1 Layer III (MP3) Dolby Digital, Dolby Digital Plus, LPCM, ADPCM, DTS
.mp4	Video	H.264/AVC, MPEG-4 Bahagian 2
.m4v	Audio	AAC
.mov		

Sambungan	Codec	
.mkv	Video	H.264/AVC
	Audio	HE-AAC, Dolby Digital
.ts	Video	H.264/AVC, MPEG-2, VC-1
.trp	Audio	MPEG-1 Layer I, II, MPEG-1 Layer III (MP3) Dolby Digital, Dolby Digital Plus, AAC
.tp		
.mts		
.m2ts		
.vob	Video	MPEG-1, MPEG-2
	Audio	Dolby Digital, MPEG-1 Layer I, II, DVD-LPCM
.mpg	Video	MPEG-1
.mpeg	Audio	MPEG-1 Layer I, II

□ Fail muzik yang tersedia

Jenis fail	Item	Maklumat
mp3	Kadar bit	32 Kbps - 320 Kbps
	Frekuensi sampel	16 kHz - 48 kHz
	Sokongan	MPEG1, MPEG2, Layer2, Layer3

□ Fail foto yang tersedia

Jenis fail	Item	Profil
2D(jpeg, jpg, jpe) 3D(jps)	Jenis fail yang tersedia	SOF0: garis dasar SOF1: Sambungan Berjujukan SOF2: Progresif
	Saiz foto	Minimum: 64 x 64 Maksimum: Jenis Normal: 15360 (W) x 8640 (H) Jenis Progresif: 1920 (W) x 1440 (H)
3D (mpo)	Jenis fail yang tersedia	mpo
	Saiz foto	Saiz 4:3: 3648 x 2736, 2592 x 1944, 2048 x 1536 Saiz 3:2: 3648 x 2432

❑ Memainkan video - amaran

- ✎ Sesetengah sari kata yang dibuat oleh pengguna mungkin tidak berfungsi dengan betul.
- ✎ Fail video dan sari kata perlu diletakkan di dalam folder yang sama. Agar sari kata dipaparkan dengan betul, fail video dan sari kata perlu mempunyai nama yang sama.
- ✎ Sari kata pada peranti NAS (Simpanan Terlampir Rangkaian) mungkin tidak disokong, bergantung pada pengilang dan modelnya.
- ✎ Kami tidak menyokong sebarang strim yang mengandungi GMC (Global Motion Compensation) atau Qpel (Quarterpel Motion Estimation).
- ✎ Hanya profil H.264 / AVC tahap 4.1 dan lebih rendah disokong.
- ✎ Had saiz fail bergantung pada persekitaran yang dikodkan.

- ✎ Fail video yang dicipta oleh sesetengah pengekod mungkin tidak boleh dimainkan balik.
- ✎ Fail video yang berformat lain daripada yang ditentukan di sini mungkin tidak boleh dimainkan balik.
- ✎ Main balik fail video yang disimpan pada peranti USB yang tidak menyokong Kelajuan Tinggi mungkin tidak akan berfungsi dengan betul.
- ✎ TV menyokong codec audio DTS ketika main balik fail video USB.

DLNA bermaksud (Perikatan Rangkaian Kehidupan Digital / Digital Living Network Alliance), yang membolehkan anda melihat fail video / muzik / foto yang disimpan pada PC atau pelayan di TV anda melalui rangkaian rumah.

❑ Untuk menyambungkan Telefon Pintar yang disahkan oleh DLNA

TV dan telefon pintar perlu berada pada rangkaian yang sama.

- 1 Pastikan Wi-Fi didayakan pada telefon pintar.
- 2 Pasang / jalankan aplikasi untuk berkongsi kandungan pada telefon pintar.
- 3 Jalankan "Kongsi kandungan telefon mudah alih saya".
- 4 Pilih jenis kandungan (video / audio / foto) yang anda ingin mainkan.
- 5 Pilih fail video, muzik atau foto untuk dimainkan di TV.
- 6 Pilih Tambah pada Senarai Main.
- 7 Pilih nama model TV pada peranti yang anda ingin mainkan kandungan.
(Nama model TV berada pada label peranti.)
- 8 Main ► Menunjukkan fail yang dipilih di TV.

❑ Untuk menyambung DLNA DMR (Pengukuh Media Digital)

Jika sistem pengendalian PC adalah Windows 7 atau peranti yang diperakui DLNA (cth. telefon mudah alih) disambungkan melalui rangkaian, anda boleh memainkan muzik / video / foto di TV tanpa memasang program berasingan.

- 1 Konfigurasi TV dan PC pada rangkaian yang sama. Konfigurasi PC yang dipasang Windows 7 pada rangkaian.
- 2 Klik kanan fail muzik / video / foto yang anda ingin mainkan dan gunakan ciri "Main Balik Jauh" yang disertakan bersama dengan Windows 7. Untuk memainkan kandungan dari peranti seperti telefon mudah alih, rujuk panduan pengguna untuk peranti.
- 3 Pilih **Ya** pada tettingkap pop timbul di TV. Kandungan akan dimainkan pada satu peranti sahaja walaupun jika lebih daripada satu TV atau peranti disambungkan. Kelajuan main adalah berbeza bergantung pada kelajuan rangkaian.


❑ Untuk menyambung DLNA DMP (Pemain Media Digital)


Dengan PC yang mempunyai Nero MediaHome 4 Essentials, fail muzik / video / foto boleh dimainkan semula di TV dengan menghubungkannya melalui rangkaian rumah.

- 1 Konfigurasi TV dan PC pada rangkaian yang sama. TV dan setiap peranti perlu disambungkan melalui satu pusat akses untuk mendayakan perkhidmatan DLNA dan Pautan Media.
- 2 Pasang Nero MediaHome 4 pada PC dari laman web (<http://www.lg.com>). Sebelum pemasangan, tutup semua program yang dijalankan termasuk program firewall dan anti-virus.

3 Nyatakan fail/folder yang akan dikongsi melalui Nero MediaHome 4 Essentials yang dipasang pada PC.

1. Jalankan “Nero MediaHome 4 Essentials” yang dipasang pada PC.
2. Pilih item folder yang akan dikongsikan.
3. Konfigurasi folder yang dikongsi dan klik "Mulakan Pelayan". Pelayan bermula.

 Jika folder yang dikongsi tidak muncul di TV, klik tab Folder Tempatan dan cari lagi.

 Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan maklumat berkaitan perisian, rujuk laman web <http://www.nero.com>.

□ Keperluan PC untuk memasang Nero MediaHome 4 Essentials

- Windows® XP (Pek perkhidmatan 2 atau lebih terkini), Windows Vista®, Windows® XP Media Centre Edition 2005 (Pek perkhidmatan 2 atau lebih terkini), Windows Server® 2003 (Pek perkhidmatan 1 atau lebih terkini)
- Windows® 7 Home Premium, Professional, Enterprise atau Ultimate (32- dan 64-bit)
- Windows Vista® versi 64-bit (aplikasi dijalankan dalam mod 32-bit)
- Windows® 7 versi 64-bit (aplikasi dijalankan dalam mod 32-bit)
- Ruang pemacu keras: lebih daripada 200 MB

- CPU : 1.2 GHz Intel® Pentium® III atau AMD Sempron™ 2200+ processor
- Memori : melebihi 256 MB RAM
- Kadgrafik:melebihi32MB,perlumenyokongresolusisekurang–kurangnya800 x 600 piksel dan tetapan warna sekurang–kurangnya 16–bit
- Windows® Internet Explorer® 6.0 atau lebih terkini
- DirectX® 9.0c semakan semula 30 (Ogos 2006) atau lebih terkini
- Persekitaranrangkaian : 100MB Ethernet, Wireless LAN WLAN (IEEE 802.11g) atau lebih terkini

□ Sekiranya berlaku kerosakan DLNA

- ✎ Jika ciri DLNA tidak berfungsi dengan betul, periksa tetapan rangkaian anda.
- ✎ Jika anda ingin melihat gambar 1080p melalui DLNA, anda memerlukan pusat akses 5 GHz dan mungkin mengalami imej rosak atau masalah lain jika anda menggunakan pusat akses 2.4-GHz.
- ✎ DLNA mungkin tidak akan berfungsi dengan betul dalam rangkaian wayarles. Anda disyorkan agar menyambung ke rangkaian berwayar.
- ✎ Semasa memainkan video dalam mod DLNA, Berbilang Audio dan sari kata dalaman tidak disokong.
- ✎ Jika lebih daripada satu TV disambungkan ke satu pelayan dalam mod DLNA, kandungan tersebut mungkin tidak dimainkan bergantung pada prestasi pelayan.
- ✎ Sari kata mungkin tidak disokong bergantung pada peranti DLNA.
- ✎ Ciri DLNA mungkin tidak berfungsi dengan betul bergantung pada persekitaran rangkaian.

- ✎ Ciri DLNA tidak boleh digunakan dengan beberapa pusat akses yang tidak menyokong multicast. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, rujuk kepada manual pusat akses atau rujuk pengilang.
- ✎ Jenis fail yang disokong mungkin berbeza bergantung pada persekitaran pelayan DLNA, walaupun untuk jenis fail yang disokong oleh TV.
- ✎ Terlalu banyak sub folder dan fail di dalam satu folder boleh menyebabkan kerosakan.
- ✎ Maklumat mengenai fail dari pelayan DLNA mungkin tidak dipaparkan dengan betul.
- ✎ Semasa menonton sari kata video pada pelayan DLNA, kami mengesyorkan anda menggunakan Nero MediaHome 4 Essentials.
- ✎ Jika fail sari kata ditambah pada waktu lain, matikan folder yang dikongsi dan tetapkan semula.
- ✎ Fail DRM yang terletak pada pelayan Nero MediaHome tidak dapat dimainkan.

❑ Untuk menyambung Pautan Media

Pasang program Plex pada PC atau komputer riba yang disambungkan ke rangkaian yang sama seperti Smart TV untuk mengakses pelbagai multimedia termasuk foto, video dan muzik yang disimpan pada PC / komputer riba dengan mudah dan senang.

- 1 Pasang program Pelayan Media Plex pada PC / komputer riba. Lawati laman web di (<http://www.lg.com>) dan muat turun program Plex yang betul untuk PC / komputer riba anda.
- 2 Selepas memasang program, klik kanan ikon Plex dalam dulang di bahagian bawah PC. Menetapkan bahagian fail dalam Pengurus Media.
- 3 Pilih **Pautan Media** pada Rumah TV.
- 4 Bahagian Pautan Media bagi PC/komputer riba yang disambungkan kelihatan. Pilih bahagian.

☐ Untuk menggunakan Pautan Media

HOME ⇒ Pautan Media



Folder kelihatan seperti
persediaan dalam Pengurus Media
PLEX.

❑ Keperluan sistem untuk memasang PLEX

- Keperluan minimum

PC dengan sekurang-kurangnya 1.6 GHz Intel Core Duo Processor dan Windows XP SP3, minimum 512 MB RAM

- Cadangan untuk penukaran kod kandungan HD (720p dan 1080p)

PC dengan sekurang-kurangnya 2.4 GHz Intel Core Duo Processor dan Windows XP SP3, minimum 2 GB RAM

Menyokong Windows XP, Vista dan Windows 7

- Keperluan rangkaian

Sambungan Internet ADSL/Kabel/Wi-Fi untuk output metadata media dan kemas kini

Rangkaian berwayar : Rangkaian ethernet dengan 100 Base-T atau 1000 Base-T

Rangkaian wayarles : Mencadangkan 802.11n yang tidak sesak dan menyokong mainan media pada peranti mudah alih wayarles

☐ Menggunakan Pautan Media - amaran

- ✎ Versi pelayan media PLEX dipasang pada Mac atau PC yang menyokong versi 0.9.1.14 atau lebih terkini.
- ✎ Untuk bahasa berikut, bahasa GUI adalah bahasa Inggeris dan data yang dihantarkan tidak dipaparkan;
Bahasa Thailand, Arab, Persia, Hebrew, Kurdistan
- ✎ Semasa memainkan semula plug-in video bagi jenis media yang tidak disokong oleh TV, anda mungkin mengalami kelewatan dalam penimbangan awal disebabkan oleh masa pemprosesan tambahan.
Kelajuan penukaran komputer mungkin berbeza bergantung pada prestasi komputer dan kelajuan rangkaian.
- ✎ Jenis fail yang disokong untuk fail disimpan pada PC (Filem, TV, Pertunjukan, Muzik) adalah sama seperti untuk DLNA.

- ✎ Semasa memainkan klip muzik, tiada sokongan untuk memainkan dengan klip bergerak. (Sama seperti untuk DLNA).
- ✎ Anda mungkin mengalami kelewatan atau main balik yang salah semasa memainkan video berdefinisi tinggi pada sambungan Wi-Fi.
- ✎ TV mungkin tidak mengenal pasti komputer jika tetapan AP tidak betul. (cth. jika anda menetapkan ciri "kemuka multicast" pada peranti AP, TV tidak boleh mengenal pasti PC pada sambungan Wi-Fi).
- ✎ Untuk beberapa plug-in, fungsi main mungkin terhad untuk beberapa jenis media.
- ✎ Plug-in tertakluk kepada perubahan dan mungkin menjadi tidak beroperasi tanpa notis terlebih dahulu mengikut dasar pembekal khidmat.

❑ Untuk menyambung peranti USB

Sambungkan peranti simpanan USB (HDD luaran, memori USB) kepada pangkalan USB pada TV untuk menikmati fail kandungan tersimpan dalam peranti USB pada TV anda.

Untuk mengeluarkan peranti penyimpanan USB, pilih Menu Pantas → Peranti USB yang anda ingin keluarkan; jangan cabut sehingga anda nampak mesej bahawa USB telah dikeluarkan. Jika dicabut secara paksa, ralat mungkin berlaku di TV atau peranti penyimpanan USB.

- ✎ Sebaik sahaja peranti USB telah dipilih untuk dikeluarkan, ia tidak boleh dibaca lagi. Keluarkan peranti penyimpanan USB dan kemudian, sambungkannya semula.

❑ Menggunakan peranti penyimpanan USB - amaran

- ✎ Jika peranti penyimpanan USB mempunyai program pengecaman auto terbina dalam atau menggunakan pemacunya sendiri, ia mungkin tidak berfungsi.
- ✎ Sesetengah peranti penyimpanan USB mungkin tidak berfungsi atau mungkin berfungsi secara salah.
- ✎ Gunakan hanya peranti penyimpanan USB yang diformatkan dengan Windows FAT32 atau sistem fail NTFS.
- ✎ Untuk HDD USB luaran, ia disyorkan untuk anda menggunakan peranti dengan voltan berkadar bagi kurang daripada 5 V dan berkadar semasa bagi kurang daripada 500 mA.
- ✎ Anda disyorkan untuk menggunakan hab USB atau pemacu cakera keras dengan bekalan kuasa. (Jika kuasa yang dibekalkan tidak memadai, peranti simpanan USB mungkin tidak akan dapat dikesan dengan betul.)

- ✎ Ia disyorkan untuk anda menggunakan kayu memori USB 32 GB atau kurang dan HDD USB bagi 2 TB atau kurang.
- ✎ Jika HDD USB dengan fungsi penjimatan kuasa tidak berfungsi dengan betul, matikan dan hidupkan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, rujuk manual pengguna HDD USB.
- ✎ Data dalam peranti penyimpanan USB boleh rosak, maka, pastikan untuk membuat sandaran fail ke peranti lain. Penjagaan data adalah tanggungjawab pengguna dan pengilang tidak bertanggungjawab di atas kehilangan data.

❑ Untuk menggunakan Premium

HOME ⇒ Premium

Perkhidmatan ini memberikan anda akses mudah ke pelbagai jenis kandungan, seperti video, berita dan UCC, pada bila-bila masa, selagi anda disambungkan ke rangkaian.

Kandungan premium termasuk perkhidmatan yang mengkhusus kepada negara tersebut dengan mengambil kira kepekaan budaya serantau di samping kandungan global.



The screenshot shows the LG Smart TV Premium app interface. At the top, there is a banner for 'PREMIUM' with the LG Smart TV logo and the website 'www.lgappstv.com'. Below the banner is a grid of content categories: Video Viral, Pawagam, Cuaca, Foto, Rangkaian Sosial, Berita, Sukan, Video, Peta, and Permainan. A search icon and a login icon are visible in the top right corner. A 'Tambah pada Aplikasi Saya' button is at the bottom right.

Imej penyiaran

Kandungan premium
Pilih kandungan yang
anda ingin gunakan

Cari

Daftar masuk

Tambah pada
Aplikasi Saya

❑ Untuk menggunakan kandungan berbayar

Bayaran tertentu perlu dibayar bagi sesetengah kandungan Premium. Perkhidmatan berbayar dibayar sama ada melalui sistem pengebilan proprietari LG Electronics atau melalui penyedia kandungan yang berkaitan.

Sebelum menggunakan sistem bil LG, anda perlu mendaftar untuk keahlian dan mendaftarkan maklumat pembayaran pada TV atau laman web (www.lgappstv.com) untuk membeli kandungan berbayar.

Anda boleh mendaftar untuk keahlian pada skrin log masuk pada TV anda atau laman web kami. Anda kemudiannya boleh log masuk ke kedua-dua TV dan laman web dengan satu ID.

- 1 Klik butang **Daftar Masuk** di sebelah kanan atas skrin pada halaman Utama untuk mendaftar masuk.
- 2 Beralih ke perkhidmatan premium yang dikehendaki. (Untuk beberapa perkhidmatan premium, daftar masuk berasingan diperlukan selepas mendaftar masuk untuk perkhidmatan premium.)
- 3 Selepas menyemak semula harga dan maklumat perkhidmatan untuk kandungan, klik butang **Beli**. (Mungkin terdapat had bagi tempoh ketersediaan dan bilangan kali bergantung pada kandungan.)
- 4 Sebaik sahaja proses pembelian selesai, lihat kandungan yang dibeli dengan mengklik butang **Beli**.
- 5 Pilih ID anda pada menu atas skrin Utama dan semak sejarah pembelian dari **Halaman Saya** → **Pertanyaan pembayaran**. Ia juga tersedia pada **Halaman Saya** → **Sejarah Pembelian** bagi laman web (www.lgappstv.com).

❑ Untuk menetapkan semula Premium

HOME ⇒ **Tetapan** → **SOKONGAN** → **Permulaan Premium**

Menetapkan semula senarai, maklumat premium, tetapan negara dan maklumat daftar masuk pengguna. Menetapkan semula akan menyelesaikan ralat yang berlaku sewaktu kemas kini premium.

- ✎ Kandungan yang diberikan oleh pembekal khidmat tertakluk kepada perubahan atau pemadaman tanpa memberi notis terlebih dahulu untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya. Rujuk kepada laman web bagi pembekal kandungan yang berkaitan untuk soalan, penyelesaian masalah atau maklumat terkini mengenai kandungan. LG Electronics menganggap tiada tanggungjawab perundangan untuk perkhidmatan kandungan dan maklumat berkaitan, walaupun, apabila perkhidmatan diberhentikan oleh pembekal khidmat.
- ✎ Kualiti perkhidmatan premium anda mungkin terjejas oleh sambungan Internet anda. Untuk sebarang soalan berkaitan kelajuan Internet atau masalah perkhidmatan lain, rujuk pembekal khidmat Internet anda.
- ✎ Untuk kualiti perkhidmatan terbaik, kami mencadangkan anda melanggan ke perkhidmatan Internet yang memberikan kelajuan 4.0 Mbps (1.5 Mbps atau lebih pantas). Jika anda mengalami sebarang masalah kelajuan Internet, hubungi pembekal khidmat Internet anda.
- ✎ Sesetengah pembekal kandungan mungkin memberikan kandungan yang tidak sesuai untuk orang bawah umur. Budi bicara ibu bapa dinasihatkan.

❑ Untuk menggunakan LG Smart World

HOME ⇒ LG Smart World

LG Smart World adalah perkhidmatan aplikasi TV yang disediakan melalui Perkhidmatan Smart TV. Anda boleh memuat turun dan menikmati pelbagai jenis aplikasi berbayar popular/percuma termasuk pendidikan, hiburan, kehidupan dan berita.



Daftar masuk.

Apabila anda mendaftar masuk, ID dipaparkan.

Apabila anda memilih ID, anda boleh memilih Halaman Saya dan Daftar Keluar.

Pilih aplikasi untuk dipasang.

❑ Untuk mendaftar dengan LG Smart World

HOME ⇒ Daftar Masuk

Pendaftaran diperlukan untuk memuat turun dan menjalankan aplikasi.

- 1 Pilih **Daftar** dan bersetuju dengan Notis Perundangan.
 - 2 Masukkan ID dan kata laluan.
 - 3 Dalam kotak Sahkan Kata Laluan, masukkan semula kata laluan.
 - 4 Pilih **OK** untuk melengkapkan proses pendaftaran.
- ✎ Anda boleh mendaftar untuk keahlian pada sama ada TV anda atau laman web (www.lgappstv.com).
 - ✎ Selepas mendaftar untuk keahlian, log masuk ke TV anda dan laman web kami dengan ID yang sama.
 - ✎ Anda boleh mendaftar sehingga lima TV menggunakan satu ID.

□ Untuk memasang aplikasi di TV anda

HOME ⇒ LG Smart World

- 1 Klik butang **Daftar Masuk** di bahagian atas skrin utama untuk log masuk.
- 2 Pilih kad LG Smart World.
- 3 Pilih aplikasi yang anda inginkan dari senarai.
- 4 Semak butiran aplikasi, kemudian pilih butang **Pasang** atau **Beli**.
- 5 Semak bahawa anda mempunyai fungsi atau aksesori TV yang diperlukan untuk memasang aplikasi, kemudian pilih butang **OK**.
- 6 Untuk aplikasi yang berbayar, pengesahan pembayaran dan pembelian diperlukan.
- 7 Pilih **Jalankan** sebaik sahaja pemasangan telah selesai untuk menjalankan aplikasi dengan segera. Jika anda tidak ingin menjalankannya dengan segera, pilih **Tutup**. Jika anda ingin menjalankan aplikasi tersebut kemudian, pilih **Aplikasi Saya** untuk menandakan senarai aplikasi yang dipasang pada TV.

- ✎ Anda boleh membeli aplikasi melalui PC atau TV, tetapi , anda perlu menggunakan TV untuk memasang dan menjalankannya.
- ✎ Jika anda mempunyai ruang penyimpanan yang mencukupi di TV anda, anda boleh memuat turun aplikasi ke peranti penyimpanan USB melalui terminal TV untuk aplikasi USB. Aplikasi disimpan pada USB boleh dijalankan / dipadam / dialih dari skrin **Aplikasi Saya**.
- ✎ Peranti penyimpanan USB mengandungi aplikasi yang tidak boleh digunakan untuk data lain. (Untuk Aplikasi USB Sahaja)

☐ Untuk mengurus maklumat saya

HOME ⇒ LG Smart World

- 1 Daftar masuk.
- 2 Pilih ID yang baru didaftar masuk di bahagian atas skrin.
- 3 Pilih Halaman Saya.
- 4 Mengurus dengan memeriksa Maklumat Ahli, Senarai Aplikasi yang Saya telah Beli dan Senarai Aplikasi yang Dipasang di TV.

Maklumat Saya	Menunjukkan maklumat asas mengenai ID yang sedang didaftar masuk. Untuk menukar maklumat keahlian, lawati www.lgappstv.com pada PC anda.
Pertanyaan mengenai Pembayaran	Menunjukkan Sejarah Pembayaran bagi ID yang didaftar masuk.
Aplikasi yang Dibeli	Menunjukkan Senarai Aplikasi yang Saya telah Beli untuk ID yang didaftar masuk. Anda boleh memadam/memasang semula aplikasi yang dibeli.

HOME ⇒ Internet

Taipkan URL secara manual di TV atau lawati laman web yang ditambah pada Kegemaran.

Menaip alamat web.

Jadikan halaman semasa halaman kegemaran.

Memilih apabila anda membuka beberapa penyemak imbas web.



Beralih ke laman web yang anda telah lawati.

- ✎ Internet menyokong sehingga Flash 10 tetapi, tidak menyokong teknologi bergantung pada platform seperti ActiveX.
- ✎ Internet hanya berfungsi dengan plug-in dipasang dahulu.
- ✎ Internet mungkin tidak memainkan sebarang format fail media selain daripada yang berikut:
JPEG / PNG / GIF / WMV (ASF) / WMA / MP3 / MP4
- ✎ Internet akan ditutup secara paksa apabila memori tidak mencukupi.
- ✎ Bagi Internet, fon yang dipasang pada TV adalah digunakan dan mungkin tidak dipaparkan dengan betul bergantung kepada kandungan yang dimainkan.
- ✎ Internet tidak menyokong muat turun fail dan fon.
- ✎ Internet dibuat untuk TV, maka, ia mungkin mempunyai fungsi berbeza kepada penyemak imbas yang dibuat untuk PC.
- ✎ Internet adalah pelayar TV dan mungkin tidak berfungsi dengan betul apabila memainkan sesetengah fail kandungan.

HOME ⇒ Social Center

LG Smart TV menyediakan aplikasi **Social Center** yang membenarkan anda berkomunikasi melalui SNS seperti Facebook dan Twitter sewaktu menonton TV.

Dengan **Social Center**, anda boleh berkomunikasi dengan rakan semasa menonton TV dan melihat komen dan gambar yang dihantar oleh rakan rangkaian sosial anda sepintas lalu.



Anda boleh edit tab **Social Center**.

Pilih tab seperti **Facebook / Twitter / Aktiviti / Cakap** untuk berkomunikasi melalui perkhidmatan rangkaian sosial (SNS).

- 1 Anda boleh daftar masuk dengan akaun LG TV anda. Jika anda bukan ahli lagi, sila daftar diri dahulu.
- 2 Pilih tab daripada **Facebook**, **Twitter**, **Aktiviti** atau **Cakap**. Beberapa fungsi adalah bersambung dengan SNS lain, jadi anda mungkin memerlukan akaun SNS untuk mendaftar masuk ke dalam perkhidmatan tersebut.
- 3 Kini, anda boleh mencari pelbagai kandungan dan menghantar komen semasa menonton TV.

Social Center membenarkan anda menulis komen ketika menggunakan perkhidmatan LG Smart TV untuk berhubung dengan Facebook atau Twitter dan untuk melihat komen pada Web atau peranti mudah alih.

Facebook / Twitter	Anda boleh berkomunikasi melalui SNS seperti Facebook dan Twitter semasa menonton TV.
Aktiviti	Dengan akaun Facebook anda, anda boleh menonton kandungan hebat LG Smart TV yang disyorkan oleh pengguna lain dengan mudah. Klik program/rancangan yang disyorkan untuk beralih ke 3D World, K-pop atau LG app yang berkaitan.
Cakap	Anda boleh melihat pandangan pengguna twitter lain mengenai rancangan yang sedang dimainkan.

✎ Fungsi **Social Center** adalah tertakluk kepada perubahan mengikut kemas kini perisian TV.

Aplikasi percuma tersedia secara serta-merta selepas anda mendaftar tetapi anda sepatutnya mendaftarkan kaedah pembayaran anda untuk menggunakan aplikasi yang berbayar.

Anda boleh mendaftar diri dan mendaftarkan kaedah pembayaran pada TV atau pada laman web kami (www.lgappstv.com).

Masalah	Penyelesaian
Apabila memasukkan menu, mesej "Memulakan" sentiasa muncul.	<ul style="list-style-type: none">• Mesej “Memulakan” muncul semasa pemproses mikro dan perkakas dibuat semula, komunikasi rangkaian disediakan dan komunikasi dengan SDP (pengesahan peranti dan muat turun maklumat asas) diwujudkan. Ia mengambil masa kira-kira 20 saat dan ia adalah proses normal.
Tiada kandungan yang ditunjukkan pada kad premium.	<ul style="list-style-type: none">• Kadungan mungkin tidak ditunjukkan jika anda menukar tetapan negara pada Smart TV. Tukar negara dalam HOME ⇒ Tetapan → PILIHAN → Tetapan Smart TV → Negara Smart TV.

Masalah	Penyelesaian
Semasa menggunakan ciri internet, sesetengah laman web mengandungi ruang kosong.	<ul style="list-style-type: none"> • Internet TV menyokong sehingga Flash 10 dan hanya memainkan fail dalam format berikut : JPEG, PNG, GIF, WMV (ASF), WMA, MP3, MP4
Internet ditutup secara automatik apabila melawati laman web.	<ul style="list-style-type: none"> • Internet mungkin dipaksa untuk ditutup jika memori tidak mencukupi untuk kandungan maklumat pada halaman web.
Saya sudah mendaftar di TV. Adakah saya perlu mendaftar semula di laman web (www.lgappstv.com)?	<ul style="list-style-type: none"> • Jika anda mendaftar masuk pada TV anda, tiada daftar masuk tambahan pada laman web LG (www.lgappstv.com) diperlukan. Selepas mendaftar masuk pada TV, anda boleh daftar masuk ke laman web dengan menggunakan ID dan kata laluan yang sama dan masukkan maklumat tambahan untuk menyelesaikan proses pengesahan e-mel.

Masalah	Penyelesaian
Adakah setiap ahli keluarga boleh menggunakan ID berbeza pada satu TV?	<ul style="list-style-type: none">• Anda boleh mendaftar dan menggunakan lebih daripada satu ID pada satu TV.• Anda boleh melihat ID yang didaftarkan di TV dalam HOME ⇒ Tetapan → PILIHAN → Tetapan Smart TV → Senarai ID.• Anda boleh menyemak senarai aplikasi yang dibeli melalui setiap ID. Walau bagaimanapun, anda boleh melihat semua aplikasi yang dipasang melalui setiap ID dalam Aplikasi Saya.
Apakah yang saya perlu lakukan jika saya terlupa ID saya?	<ul style="list-style-type: none">• Jika anda mendaftar melalui PC, gunakan ciri "Terlupa ID?" pada laman web (www.lgappstv.com).• Jika anda mendaftar di TV, ID boleh dilihat dalam HOME ⇒ Tetapan → PILIHAN → Tetapan Smart TV → Senarai ID.

Masalah	Penyelesaian
Saya telah membeli aplikasi dari laman web (www.lgappstv.com). Bagaimana saya boleh menggunakannya di TV?	<ul style="list-style-type: none">• Jika anda ingin menyemak aplikasi yang anda beli di TV, daftar masuk dan lihat ia pada menu Aplikasi yang Dibeli. Pilih ID di bahagian atas Home dan semak aplikasi dalam Halaman Saya → Aplikasi yang Dibeli.
Adakah saya boleh melihat sejarah aplikasi yang saya telah beli?	<ul style="list-style-type: none">• Pilih ID di bahagian atas Home dan semak aplikasi dalam Halaman Saya → Aplikasi yang Dibeli.• Daftar masuk ke laman web (www.lgappstv.com) dan pilih Halaman Saya → Beli Sejarah.

Masalah	Penyelesaian
<p>Saya telah memadam aplikasi berbayar - adakah saya perlu membelinya lagi untuk memuat turunnya?</p>	<ul style="list-style-type: none">• Jika aplikasi yang dibeli terpadam secara tidak sengaja, anda boleh memuat turun dan memasangnya semula tanpa perlu membelinya sekali lagi, selagi ia masih dalam perkhidmatan. Pilih ID di bahagian atas Utama dan muat turun semula aplikasi dalam Halaman Saya → Aplikasi Yang Dibeli. (Aplikasi yang dimiliki sebelum ini mungkin tidak boleh dimuat turun semula atau dijalankan bergantung pada versi perisian.)
<p>Bolehkah saya gunakan aplikasi daripada LG Smart World TV Pintar LG pada kedua-dua TV dan PC?</p>	<ul style="list-style-type: none">• Semak sama ada model TV menyokong LG Smart World.• Aplikasi daripada LG Smart World TV Pintar LG hanya boleh dijalankan pada TV Pintar LG.• Serta, anda boleh membeli aplikasi dari laman web (www.lgappstv.com) tetapi, tidak boleh menggunakannya di PC atau Mac, maka, berhati-hati semasa membelinya.

Masalah	Penyelesaian
Bagaimana saya boleh mengetahui ID mana sedang didaftar masuk di TV?	<ul style="list-style-type: none">• Pilih ID di bahagian atas Rumah dan semak ID yang baru didaftar masuk dalam Halaman Saya → Maklumat Saya.
Saya telah memasang aplikasi di TV saya. Di mana saya boleh melihat aplikasi yang dipasang?	<ul style="list-style-type: none">• Pilih HOME ⇒ Aplikasi Saya. Semua aplikasi berbayar dan percuma yang dipasang di TV dipaparkan.
Saiz aplikasi yang ditunjukkan pada skrin berbeza daripada saiz aplikasi sebenar yang dipasang di TV.	<ul style="list-style-type: none">• Saiz aplikasi yang ditunjukkan pada skrin merangkumi ruang tambahan yang diperlukan untuk memasang aplikasi dan mungkin berbeza daripada saiz aplikasi seperti yang sebenar dipasang.

Masalah

Penyelesaian

Saya terlupa kata laluan TV saya. Apa yang saya perlu lakukan?

- Jika anda hanya menyediakan ID dan kata laluan semasa mendaftar masuk pada TV anda, anda tidak boleh memulihkan semula kata laluan anda apabila ia hilang. Cipta ID baru dan daftar masuk dengan ID tersebut.
- Jika anda menyediakan maklumat lain selain daripada ID dan kata laluan semasa mendaftar masuk pada TV anda atau laman web LG (www.lgappstv.com), anda boleh memulihkan semula kata laluan anda pada laman web.

Masalah	Penyelesaian
<p>Adakah saya perlu menyimpan maklumat pembayaran untuk membeli aplikasi yang dibayar?</p>	<ul style="list-style-type: none">• Untuk membeli aplikasi yang dibayar, anda perlu mempunyai kad kredit yang berdaftar pada TV atau laman web (www.lgappstv.com) atau mempunyai kredit. Jika anda tidak ingin butiran kad kredit anda disimpan, cajkan kredit terlebih dahulu. Pengecajan kredit hanya tersedia pada laman web kami dan anda tidak boleh membeli aplikasi yang dibayar jika butiran kad kredit anda tidak didaftarkan atau anda tidak mempunyai kredit yang mencukupi.
<p>Adakah saya boleh mengembalikan aplikasi yang saya telah beli?</p>	<ul style="list-style-type: none">• Sebagai ahli, anda tidak boleh meminta bayaran balik jika anda menukar fikiran selepas pembelian.• Jika terdapat kerosakan pada produk atau masalah ketika menggunakan produk, yang bukan disebabkan oleh kesilapan anda, anda boleh meminta bayaran balik. Bagaimanapun, sebab yang munasabah untuk meminta bayaran balik hendaklah diberi.

Masalah	Penyelesaian
<p>Saya telah mendaftar di TV saya tetapi saya tidak dapat membeli aplikasi yang dibayar.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Untuk membeli aplikasi berbayar, anda perlu memiliki kad kredit yang didaftarkan dengan laman web (www.lgappstv.com). Juga, anda boleh menyediakan kredit anda dengan menggunakannya pada laman web untuk membelinya. Anda tidak boleh membeli aplikasi berbayar jika kad kredit anda tidak didaftarkan dengan kami atau anda tidak mempunyai kredit yang mencukupi.
<p>Patutkah saya hanya gunakan alamat e-mel sebagai ID saya?</p>	<ul style="list-style-type: none">• Untuk ahli yang baru mendaftar masuk, format ID telah diubah dari kombinasi nombor dan abjad kepada alamat e-mel.• Anda hanya boleh menggunakan alamat e-mel sebagai ID anda apabila mendaftar masuk.

Masalah	Penyelesaian
Perlukan saya mengubah format ID saya kepada alamat e-mel?	<ul style="list-style-type: none">• Untuk ahli yang baru mendaftar masuk, format ID telah diubah dari kombinasi nombor dan abjad kepada alamat e-mel.• Jika anda sudah menjadi ahli, anda masih boleh menggunakan ID sedia ada anda atau ubahnya kepada alamat e-mel.
Apakah itu akaun LG?	<ul style="list-style-type: none">• Akaun LG membolehkan anda mendaftar masuk ke semua perkhidmatan LG Smart dengan satu ID dan kata laluan. Anda boleh menggunakan perkhidmatan berikut dengan akaun LG anda: LG Smart TV, LG Cloud, LG Smart World (tidak termasuk sesetengah negara), LG Smart ThinQ dan LG Smart air conditioning (penghawa dingin LG Smart), dll.• Maklumat tambahan mungkin diperlukan bergantung pada perkhidmatan.

❑ Untuk melihat imej 3D

Perimejan 3D adalah teknologi yang menggunakan perbezaan penglihatan pada mata kiri dan kanan untuk menjadikan imej pada TV kelihatan sama seperti ruang 3 dimensi yang sebenar.

- 1 Mainkan tajuk imej 3D atau beralih kepada rancangan 3D.
- 2 Tekan butang **3D** untuk bertukar kepada pengimejan 3D.
- 3 Hidupkan lalu pakai kaca mata 3D.
- 4 Untuk menamatkan pemaparan imej 3D, tekan butang **3D** pada alat kawalan jauh semasa melihat imej 3D.

✍ Bergantung kepada isyarat input, jenis 3D yang ada mungkin berbeza.

❑ Untuk melaraskan butiran imej 3D

HOME ⇒ Tetapan → GAMBAR → Tetapan 3D

Melaraskan pelbagai aspek pengimejan 3D.

Mod 3D	Menyediakan kedalaman 3D yang sesuai. <ul style="list-style-type: none">• Kedalaman 3D : Melaraskan kedalaman 3D antara objek dan latar belakang.• Sudut Pandangan 3D : Melaraskan imej 3D lebih dekat/jauh dari pengguna.
Pengezuman Bunyi 3D	Menyediakan bunyi dioptimum 3D.
Pengecaman Corak 3D	Tukar ke skrin 3D secara automatic dengan menganalisis corak skrin asal.

Paparan imej normal	Anda boleh menonton imej 2D apabila kesan 3D dihapuskan.
Pembetulan Imej 3D	Menukar imej kiri/kanan video 3D.
Wizard 3D	Mengoptimumkan mod 3D dengan menu Wizard 3D.

❑ Melihat imej 3D - amaran

- ✎ Apabila melihat imej 3D, penonton disyorkan untuk mengekalkan jarak sekurang-kurangnya dua kali ganda panjang pepenjuru skrin.
- ✎ Jika format siaran 3D di masa hadapan yang tidak disokong oleh TV ini menjadi standard, anda mungkin memerlukan peranti tambahan seperti peti atas set.

❑ Menggunakan cermin mata 3D - amaran

- ✎ Jangan gunakan cermin mata 3D sebagai ganti untuk cermin mata pembetulan, cermin mata hitam atau gogal perlindungan anda sendiri. Penggunaan cermin mata 3D yang salah boleh menyebabkan kecederaan mata.
- ✎ Jangan simpan cermin mata 3D dalam keadaan yang ekstrem. Pendedahan terhadap suhu yang teramat tinggi atau rendah boleh mengubah bentuk kanta. Jangan gunakan cermin mata yang telah rosak.
- ✎ Jangan kenakan tekanan terhadap cermin mata 3D atau mengenakan sebarang impak terhadapnya. Mengendalikan cermin mata 3D dengan kasar boleh merosakkannya.
- ✎ Kanta cermin mata 3D mudah tercalar. Hanya gunakan kain yang lembut dan bersih untuk pembersihan. Kain yang kotor boleh mencalarkan permukaan kanta.
- ✎ Jangan calar permukaan kanta cermin mata 3D dengan objek yang tajam atau membersihkannya dengan bahan kimia. Jika permukaan kanta tercalar, imej 3D mungkin tidak akan dipaparkan dengan betul.

❑ Untuk menyambungkan peranti simpanan USB DVR khusus

- 1 Sambungkan HDD USB (40 GB atau lebih) ke bicu **HDD IN** pada TV. Fungsi DVR berfungsi hanya dengan bicu **HDD IN**.
 - 2 HDD USB perlu dimulakan sebelum boleh digunakan untuk DVR. Apabila menghubungkan HDD USB yang tidak pernah dimulakan, pilih **MY APPS** ⇒ **DVR**. Skrin **Permulaan Peranti USB** muncul.
 - 3 Lengkapkan pemulaan HDD USB, dan tetapkan **Mod Syif Masa** kepada **Hidupkan**.
- ✎ Untuk mengeluarkan peranti simpanan USB, pilih **Menu Cepat** → **Peranti USB** dan sahkan mesej bahawa peranti simpanan USB telah dikeluarkan sebelum menanggalkannya secara fizikal.

❑ Untuk menukar mod Syif Masa atau memulakan peranti simpanan USB

Roda(OK) ⇒ Pilihan

Menukar tetapan DVR semasa menggunakan DVR.

Mod Syif Masa	<p>Buka: Secara automatik mendayakan Mod Syif Masa apabila TV dihidupkan.</p> <p>Tutup: Menyahdayakan Mod Syif Masa.</p>
Permulaan Peranti USB	<p>HDD yang bersambung tersedia untuk digunakan bersama DVR. Semua data yang disimpan pada peranti USB akan dipadamkan.</p>

- ✎ Penggunaan HDD (Pemacu Cakera Keras) adalah disyorkan. Bagi SSD (Pemacu Keadaan Pepejal), bilangan ditulis/dikosongkan adalah terhad.
- ✎ Anda disyorkan untuk menggunakan HDD USD sebesar 40 GB atau kurang daripada 2 TB.
- ✎ Sebarang **Permulaan Peranti USB** untuk penggunaan tidak akan dikenali pada PC.
- ✎ Data yang disimpan pada peranti USB mungkin telah rosak. Penyenggaraan data adalah tanggungjawab pengguna dan pengilang tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan data.
- ✎ Jika terdapat masalah dengan sektor data pada peranti simpanan USB, ia mungkin tidak akan berfungsi dengan betul.

DVR membolehkan anda merakam siaran langsung TV pada peranti storan USB semasa menonton siaran digital. Anda boleh menonton bahagian-bahagian program yang anda terlepas kemudiannya dan meneruskan menonton dari tempat anda berhenti, walaupun anda telah berada jauh dari TV dalam tempoh masa yang agak panjang.


- ✎ Mod Syif Masa boleh ditetapkan sehingga 90 minit. (Bagi negara Itali, ia boleh ditetapkan sehingga 60 minit.)
- ✎ Jika terdapat masalah dengan sektor data pada peranti simpanan USB, ia mungkin tidak akan berfungsi dengan betul.

Tekan Roda (OK) semasa DVR.

Memilih titik yang dikehendaki dan memainkannya

Bertukar ke siaran semasa

Menukar Mod Syif Masa
Memulakan Peranti USB



Mula merakam dari titik semasa

Kawalan main DVR

Menunjukkan rancangan yang dirakam

Menyemak senarai jadual yang ditentukan

Mengeset jadual

 Imej yang dipaparkan mungkin berbeza daripada TV anda.

☐ Untuk mula merakam serta–merta

Roda(OK) ⇒ Rakaman Bermula

Merakam rancangan apabila anda perlu meninggalkan bilik semasa menonton.

- ✎ Merakam siaran digital yang sedang anda tonton sahaja.
- ✎ Jika anda memaksa TV anda untuk dimatikan kuasa ketika rakaman, rancangan mungkin tidak akan disimpan. Sepatutnya, anda hendaklah menghentikan rakaman dan memeriksa bahawa rancangan telah dirakam sebelum memamatkannya.
- ✎ Rancangan–rancangan adalah dilindungi oleh undang–undang hak cipta yang berkaitan dan kebenaran lebih awal daripada pemegang hak cipta mungkin diperlukan sebelum menyalin dan memainkan rancangan. Rakaman yang dibuat menggunakan peranti ini hanya boleh digunakan untuk tujuan peribadi. Anda dilarang daripada menjual, memindahkan atau meminjamkan rakaman berhak cipta kepada pihak ketiga.

□ Untuk berhenti merakam

Roda(OK) ⇒ Rakaman Berhenti

Rakaman dihentikan serta merta.

□ Untuk mengubah suai masa tamat rakaman

Roda(OK) ⇒ Hentikan Pilihan → Masa tamat rakaman diubah suai

✎ Masa rakaman maksimum adalah 5 jam.

☐ Untuk menjadualkan rakaman

Roda(OK) ⇒ Jadual

Pilih jadual mengikut rancangan	Memilih rancangan daripada skrin Panduan Program untuk ditonton atau dirakam.
Pilih jadual mengikut tarikh	Memilih tarikh, masa dan rancangan yang hendak ditonton atau dirakam.

- ✎ Panjang minimum bagi Rakaman Pemasa adalah 2 minit.
- ✎ Sektor cakera yang rosak boleh menjejaskan beberapa atau semua item pada **Senarai Jadual**.
- ✎ Bilangan item maksimum dalam **Senarai Jadual** ialah 30.

❑ Untuk mengesahkan dan / atau mengubah suai senarai jadual

Roda(OK) ⇒ Senarai Jadual

Mengesahkan, mengubah suai atau memadamkan tontonan atau rakaman berjadual.

☐ Untuk melihat TV yang dirakam

HOME ⇒ **Smart Share** → **Senarai Dirakam**

Pilih rakaman yang disimpan pada USB HDD untuk melihat/memadamkannya.

Main pada Masa Main Sebelumnya	Untuk rakaman yang dimainkan sekali di masa lalu, mainkannya dari masa main sebelumnya.
Main dari awal	Memainkan rakaman yang dipilih dari awal.
Padam	Memadamkan rakaman yang dipilih.


✎ Bilangan maksimum bagi **Senarai Dirakam** ialah 300.

❑ Untuk mengawal rakaman main balik

Tekan butang **Roda(OK)** pada alat kawalan jauh semasa main balik.

Memilih titik yang dikehendaki dan memainkannya.

Mengeset Pilihan Main Balik Rakaman



Kawalan Main

Senarai Imej
Kecil

Edit-Klip /
Fungsi Ulang



Paparan 3D

✎ Imej yang dipaparkan mungkin berbeza daripada TV anda.

☐ Untuk menggunakan MemoCaster

HOME ⇒ MemoCaster

Fungsi ini memaparkan kandungan yang dicipta pengguna pada skrin TV.

	Simple	Anda boleh meninggalkan mesej untuk keluarga anda atau menetapkan penggera bagi acara khusus dalam jadual anda.
	Advanced	Anda boleh mencipta isi kandungan anda sendiri dengan menggunakan templat yang dibekalkan. Gunakan fungsi ini untuk mencipta iklan atau notis.

□ Untuk menggunakan MemoCaster Mudah

HOME ⇒ MemoCaster → Simple

Anda boleh memaparkan memo pada skrin TV atau menetapkan penggera bagi acara khusus dalam jadual anda.

Pilihan

Pemberitahuan
apabila TV
dihidupkan.

- **Hidupkan:** Memaparkan memo apabila TV dihidupkan.
- **Matikan:** Memaparkan memo pada masa yang dinyatakan. **Date and Time Configuration** (Konfigurasi Tarikh dan Masa), **Weekly Repeat** (Ulangan Mingguan), dan **Alarm Count** (Kiraan Penggera) boleh ditetapkan. Kecuali Ulangan Mingguan, masa sepatutnya terkemudian daripada waktu semasa.

☐ Untuk menggunakan MemoCaster Lanjutan

HOME ⇒ MemoCaster → Advanced

Anda boleh mencipta isi kandungan anda sendiri menggunakan templat yang dibekalkan dan memaparkannya pada skrin TV.

1 Pilih templat yang anda kehendaki.






• Select Text/LED untuk menukar mod templat.


2 Edit imej dan teks.



Kawasan di mana gambar akan ditunjukkan. Pilih gambar yang anda kehendaki.

✎ Letakkan gambar dalam folder "lg_img" pada USB.

	Kawasan di mana teks akan ditunjukkan, Masukkan mesej anda.
 Pilihan	Menetapkan warna latar belakang, warna fon dan saiz fon.
 Sejarah	Import teks yang digunakan baru-baru ini.
 Kesan	Tambah kesan animasi atau LED ke dalam isi kandungan yang anda cipta.
 Persediaan Main	Menetapkan masa mula, masa tamat atau ulangan mingguan memo yang akan dipaparkan.


-  Format yang disokong dalam MemoCaster
- Resolusi: Maksimum 1920 x 1080
- Saiz Fail: Sehingga 2MB
- Format yang disokong: JPG, JPEG, JPE (Tidak sensitif huruf)

3 Pilih Selesai.

Kemudian, pengeditan selesai dan kandungan anda telah disimpan.

4 Mulakan kandungan yang baru sahaja anda cipta.

Muat turun aplikasi LG Magic Remote dari Google Play Store atau Apple App Store untuk menonton TV dengan telefon pintar anda.

- Kini anda boleh menikmati rancangan TV kegemaran anda pada telefon pintar anda. (Sesetengah model sahaja)
 - Tambah saluran kegemaran anda pada telefon pintar anda.
 - Anda boleh gunakan fungsi seperti **PREMIUM**, **APLIKASI SAYA** terus pada telefon pintar anda.
 - Fungsi input teks disokong, jadi anda boleh masukkan teks dengan mudah. (Teks tidak dapat dimasukkan pada sesetengah skrin.)
 - Pilih pad sentuh aplikasi untuk mengawalinya sebagaimana penunjuk Alat Kawalan Jauh Magic berfungsi.
 - Pilih Pad Permainan pada aplikasi LG Magic Remote untuk mengawal aplikasi permainan di TV.
-  Fungsi yang disokong mungkin berbeza bergantung pada TV atau versi aplikasi LG Magic Remote.

❑ Untuk menggunakan tetikus USB berwayar/wayarles

Sambung tetikus anda ke port USB. Gunakan tetikus untuk menggerakkan penunjuk pada skrin TV dan pilih menu yang anda kehendaki.

Tetikus	Alat Kawalan Jauh Magic
Butang Kiri	Butang OK pada Alat Kawalan Jauh Magic
Butang Roda	Butang Roda pada Alat Kawalan Jauh Magic

- ✎ Butang kanan dan butang khas pada tetikus tidak berfungsi.
- ✎ Kebolegunaan tetikus dan papan kekunci USB wayarles mungkin akan terjejas oleh persekitaran Frekuensi Radio dan jarak.

❑ Untuk menggunakan papan kekunci berwayar/wayarles

Sambung papan kekunci anda ke port USB. Anda boleh memasukkan teks dengan papan kekunci semasa menggunakan fungsi cari dan Internet.

- ✎ Teks tidak dapat dimasukkan pada sesetengah skrin.
- ✎ Anda disyorkan agar menggunakan produk yang telah diuji keserasiannya dengan TV LG.
LOGITECH K200, LOGITECH K400, MICROSOFT Comfort Curve 2000, MICROSOFT MS800 dan LG Electronics ST-800
- ✎ Anda boleh mengubah bahasa input dengan menekan kekunci pertukaran bahasa (atau kekunci Alt kanan) pada papan kekunci anda.

❑ Untuk menggunakan pad permainan

Sambungkan pad permainan anda ke port USB pada TV jika permainan tersebut memerlukan pad permainan.

✎ Ia disyorkan untuk menggunakan pad permainan yang diuji untuk keserasian dengan TV LG.

Logitech F310, Logitech F510, Logitech F710, Logitech Rumblepad 2, dan Pengawal Microsoft Xbox 360 (berwayar)

HOME ⇒ Tetap → SOKONGAN → Kemas Kini Perisian

Menggunakan Kemas Kini Perisian untuk menyemak dan mendapatkan versi terbaru.

Kemas kinian yang tersedia juga boleh disemak secara manual.

Kemas Kini Perisian	Tetapkannya ke Hidupkan . Apabila fail yang dikemas kini dikesan, fail tersebut dimuat turun secara automatik. Apabila muat turun fail selesai, tettingkap kemas kini perisian akan muncul.
Semak Versi Kemas Kini	Menyemak versi dikemas kini terbaru yang dipasang. Apabila kemas kinian baru tersedia, proses muat turun boleh dijalankan secara manual.

- ✎ Versi terbaru boleh didapatkan melalui isyarat siaran digital atau sambungan internet.
- ✎ Menukar rancangan semasa memuat turun perisian melalui isyarat siaran digital mengganggu proses muat turun. Kembali ke rancangan asal membolehkan muat turun diteruskan.
- ✎ Jika perisian tidak dikemas kini, fungsi tertentu mungkin tidak berfungsi dengan betul.
- ✎ [Hanya bagi model Nordic]
Anda boleh memeriksa sama ada perkhidmatan OTA LG tersedia atau tidak dalam saluran DTV dengan menekan butang merah ketika melihat mesej **Kemas Kini Ditemui!** di bawah tajuk rentang saluran kelihatan.

Jika gejala berikut berlaku, sila jalankan pemeriksaan dan pelarasan yang diterangkan di bawah. Mungkin tiada pincang tugas berlaku.

HOME ⇒ **Tetapan** → **SOKONGAN** → **Ujian Isyarat**

Menunjukkan MUX dan maklumat Perkhidmatan, dll. Jika anda memilih Antena & Satelit atau Kabel & Satelit, hanya ujian isyarat untuk Antena atau Kabel akan dipaparkan.

□ Umum

Masalah	Penyelesaian
Tidak dapat menonton saluran tertentu.	<ul style="list-style-type: none">• Laraskan lokasi atau orientasi antena.• Simpan saluran yang dikehendaki pada Penalaan Auto atau Edit Saluran.
Selepas menghidupkan TV, wujud kelewatan sebelum imej penuh muncul.	<ul style="list-style-type: none">• Ini bukan masalah kerana proses ini bertujuan untuk membersihkan hingar imej yang mungkin berlaku semasa menghidupkan TV.

❑ Gambar

HOME ⇒ **Tetapan** → **SOKONGAN** → **Ujian Gambar**

Periksa sama ada output isyarat imej adalah normal dengan bermula dengan Ujian Gambar.

Jika tiada masalah dengan imej ujian, periksa sambungan peranti luaran atau isyarat siaran.

Masalah	Penyelesaian
Imej daripada saluran sebelumnya atau saluran lain masih kekal atau skrin memaparkan garisan yang menjengkelkan.	<ul style="list-style-type: none">• Cuba laraskan antena ke arah stesen TV atau rujuk manual untuk mengetahui cara yang betul bagi menyambungkan antena.

Masalah	Penyelesaian
Garis mendatar/menegak yang bergetar dan corak jaring ikan muncul seketika.	<ul style="list-style-type: none">• Masalah sebegini boleh berlaku jika terdapat gangguan elektronik yang kuat. Matikan peranti elektronik lain seperti telefon mudah alih, alat berkuasa dan peralatan elektrik kecil yang lain.
Paparan skrin membeku atau tidak berfungsi dengan betul semasa siaran digital.	<ul style="list-style-type: none">• Ini mungkin berlaku apabila isyarat adalah terlalu lemah atau penerimaan tidak stabil. Laraskan orientasi antena atau sambungan kabel.• Jika kekuatan atau kualiti isyarat adalah rendah pada Penalaan Manual, hubungi stesen TV atau pejabat pentadbiran untuk pemeriksaan.
Siaran digital tidak tersedia walaupun kabel disambungkan.	<ul style="list-style-type: none">• Hubungi operator kabel berkenaan langganan dan/ atau isyarat. (Bergantung pada langganan, siaran digital mungkin tidak disokong.)

Masalah	Penyelesaian
Imej tidak hidup ataupun jelas walaupun apabila disambungkan kepada HDMI.	<ul style="list-style-type: none">• Semak spesifikasi kabel HDMI®. Hanya gunakan kabel HDMI®. Kabel lain mungkin akan menyebabkan imej pudar masuk atau keluar atau tidak dipaparkan dengan betul.• Pastikan semua sambungan kabel dipasang dengan kukuh. Apabila sambungan tidak kukuh, imej mungkin tidak dipaparkan dengan betul.
Tidak berfungsi apabila peranti simpanan USB disambungkan.	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa versi peranti dan kabel USB adalah 2.0 atau lebih tinggi.

☐ Bunyi

HOME ⇒ Tetapan → SOKONGAN → Ujian Bunyi

Cuba jalankan Ujian Bunyi terlebih dahulu untuk mengesahkan bahawa output isyarat bunyi adalah normal.

Apabila bunyi ujian adalah normal, periksa sambungan peranti luaran atau isyarat siaran.

Masalah	Penyelesaian
Paparan skrin ada tetapi bunyi tidak kedengaran.	<ul style="list-style-type: none">• Semak saluran TV lain.• Pastikan Pembesar suara TV ditetapkan pada Hidup.
Untuk siaran analog, stereo tidak jelas atau bunyi keluar dari satu pembesar suara sahaja.	<ul style="list-style-type: none">• Di kawasan penerimaan yang kurang baik (kawasan berisyarat lemah atau tidak stabil) atau jika multi audio tidak stabil, pilih Mono pada Multi Audio.• Laraskan Imbangan menggunakan butang Navigasi.

Masalah	Penyelesaian
Bunyi TV tidak selaras dengan bibir atau bunyinya terputus-putus dari semasa ke semasa.	<ul style="list-style-type: none">• Jika ia berlaku pada saluran TV tertentu, ia mungkin disebabkan oleh masalah pada isyarat siaran stesen tersebut. Tanyakan kepada stesen TV atau operator kabel tempatan.
Pada bila-bila masa saluran ditukar, kelantangan adalah berbeza.	<ul style="list-style-type: none">• Bergantung pada saluran, boleh wujud perbezaan dalam kelantangan.• Sila tetapkan Kelantangan Auto kepada Hidup.

Masalah	Penyelesaian
<p>Pada saluran tertentu, bunyi tidak keluar atau hanya muzik latar yang kedengaran. (Jika ia adalah rancangan yang dihasilkan untuk luar negara)</p>	<ul style="list-style-type: none">• Pada Bahasa, tetapkan Bahasa → Bahasa Audio sebagai bahasa yang dikehendaki. Walaupun bahasa pada Multi Audio ditukar, apabila kuasa dimatikan atau saluran ditukar, tetapan lalai akan diset semula.
<p>Tiada bunyi apabila disambungkan kepada HDMI/USB.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa kabel HDMI® tersebut berkelajuan tinggi.• Periksa sama ada peranti dan kabel USB adalah versi 2.0 atau lebih tinggi.• Hanya gunakan fail muzik (*.mp3) biasa.

❑ Masalah sambungan PC

Masalah	Penyelesaian
Paparan skrin tidak hidup selepas disambung kepada komputer.	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa komputer dan TV disambungkan dengan kukuh.• Matikan TV dan buka semula menggunakan alat kawalan jauh.• Mulakan semula PC dengan TV dalam keadaan hidup.• Periksa sama ada resolusi ditetapkan dengan betul bagi input PC.• Untuk menggunakan TV sebagai monitor kedua, semak sama ada komputer meja atau komputer riba yang disambungkan menyokong paparan dwimonitor.• Sambung semula kabel RGB/HDMI.
Tiada bunyi selepas menyambungkan komputer dengan kabel HDMI.	<ul style="list-style-type: none">• Hubungi pengilang kad video untuk memastikan ia menyokong output suara HDMI. (Kad video yang dihasilkan dalam format DVI memerlukan sambungan kabel bunyi yang berasingan.)


Masalah	Penyelesaian
Apabila disambungkan ke komputer, paparan terpotong sebahagiannya atau beranjak ke tepi.	<ul style="list-style-type: none">• Sediakan resolusi yang menyokong input PC. (Jika ia tidak berfungsi, sila but semula komputer.)• Pilih Skrin (RGB-PC) dan laraskan Kedudukan/Saiz/Fasa.


❑ Menghadapi masalah memainkan semula filem dalam Media Saya.

Masalah	Penyelesaian
Fail pada Senarai Filem tidak dipaparkan.	<ul style="list-style-type: none">• Semak sama ada fail pada peranti simpanan USB boleh dibaca pada komputer.• Semak sama ada sambungan fail disokong.
"Fail ini tidak sah." Mesej ralat di atas muncul atau paparan imej tidak normal walaupun tiada masalah dengan bunyi.	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa fail dimainkan semula dengan normal pada pemain video pada komputer. (Semak kalau-kalau terdapat fail yang rosak.)• Periksa sama ada resolusi disokong oleh komputer.• Sahkan bahawa codec video/audio disokong.• Sahkan bahawa kadar bingkai adalah yang disokong.

Masalah	Penyelesaian
<p>"Audio Tidak Disokong." Mesej ralat di atas muncul atau bunyi tidak normal walaupun paparan imej tiada masalah.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa fail dimainkan semula dengan normal pada pemain video pada komputer. (Semak kalau-kalau terdapat fail yang rosak.)• Semak sama ada codec audio disokong oleh komputer.• Sahkan bahawa kadar bit disokong.• Sahkan bahawa kadar sampel disokong.

Masalah	Penyelesaian
Sari kata tidak dipaparkan.	<ul style="list-style-type: none">• Sahkan bahawa fail dimainkan semula dengan normal pada pemain video pada komputer. (Semak kalau-kalau terdapat fail yang rosak.)• Semak sama ada nama fail video sama dengan nama fail sari kata.• Sahkan bahawa fail video dan sari kata berada dalam folder yang sama.• Sahkan bahawa format fail sari kata disokong.• Sahkan bahawa bahasa fail sari kata disokong. (Buka fail sari kata dalam Notepad untuk menyemak bahasa.)

 Imej yang dipaparkan mungkin berbeza daripada TV anda.

 Untuk mendapatkan maklumat tentang meminta perkhidmatan, rujuk pada menu TV.

HOME ⇒ Tetap → **SOKONGAN** → Makl. Produk/P'khidmtn